


1956



PERSĖKUTUAN TANAH MELAYU

**PERATORAN² DAN PERENTAH²
MAJLIS
MESHUARAT UNDANGAN**





MT328.595 PER



0000003425

Peratoran-peratoran dan perintah-perintah majlis
meshuarat undangan.

LIBRARY OF PARLIAMENT
Federation of Malaya.

Serial No. **3425**

Class No.

14329





PERSĖKUTUAN TANAH MĖLAYU

PĖRATORAN² DAN PĖRENTAH²
MAJLIS
MĖSHUARAT UNDANGAN

KUALA LUMPUR
DI-CHAP DI-PEJABAT CHETAK KĖRAJAAN
1956

KANDONGAN-NYA

PENDAHULUAN

Përatoran bilangan		Muka surat
1.	Mëngangkat Sumpah	1
2.	Pëngëtua Mëshuarat dan Pëngërusi Jawatan- Kuasa sa-buah ² Majlis Mëshuarat	1
3.	Bahasa ² rasmi	1

PERSIDANGAN DAN MESHUARAT²

4.	Tempoh Persidangan Majlis Mëshuarat Undangan	1
5.	Mëshuarat ² Majlis Mëshuarat Undangan ...	2
6.	Chukup bilangan	2
7.	Mënanggohtkan mëshuarat	2
8.	Mënanggohtkan mëshuarat dalam Jawatan-Kuasa	2

ORANG² LUAR

9.	Orang ² luar	2
9A.	Këwajipan ² Bëntara Mëshuarat bërkënaan dëngan orang ² luar	2
10.	Mëngëluarkan orang ² luar	3
11.	Wakil surat ² khabar	3

PËRKARA² MESHUARAT—YANG MANA HENDAK DI-DAHULU DAN YANG MANA HENDAK DI-KEMUDIANKAN

12.	Përkara ² mëshuarat—yang mana hëndak di- dahulu dan yang mana hëndak di-këmundiankan	3
-----	--	---

PËRINGATAN²

13.	Menet ² mëshuarat	4
14.	Isi dan mëngësahkan menet ² mëshuarat ...	4
15.	Buku Përentah	4
16.	Mënyimpan përingatan ²	4

CHADANGAN² BAGI BAHATH

17.	Chadangan ² yang hëndak di-bahathkan ...	4
-----	---	---

SURAT² RAYUAN

18.	Atoran apabila ada Surat ² Rayuan	5
-----	---	---

RISALAT² YANG DI-BËNTANGKAN DALAM MESHUARAT

19.	Risalat ² yang di-bëntangkan dalam Mëshuarat ...	6
-----	---	---

II.

PERTANYAAN²

Peratoran bilangn	Muka surat
20. Pembëri-tahu fasal hendak menghantar per- tanyaan	6
21. Pertanyaan ² , kapada siapa di-hadapkan	6
22. Maksud pertanyaan ² dan sharat ² yang mesti di-sempurnakan	6
23. Chara-nya mendatangkan pertanyaan ²	7
24. Jawapan ²	8
25. Menanggohkan meshuarat jika berbangkit kachau-bilau dan sa-bagai-nya	8

PĒRKARA KHAS YANG PĒNTING KAPADA ORANG RAMAI YANG HĒNDAK DI- SĒGĒRAKAN

26. Chadangan menanggohkan meshuarat kerana merundingkan perkara khas yang penting kapada orang ramai yang hendak di-sëgërakan	8
--	---

CHADANGAN²

27. Pembëri-tahu chadangan	9
28. Tidak boleh di-bahath apabila telah di-bëri tahu	9
29. Chadangan ² dengan tidak payah pembëri-tahu ...	9
30. Chadangan ² yang tidak di-bawa ka-dalam meshuarat sa-tëlah di-bëri tahu terlëbeh dahulu	10
31. Chadangan ² yang tidak di-sokong	10
32. Undi	11
33. Menarek balek chadangan	11
34. Chadangan ² yang telah di-putusan	11

MĒMINDA CHADANGAN²

35. Mëminda chadangan ²	11
36. Atoran-nya mëminda chadangan ²	11
37. Pindaan ² mahu-lah dengan surat	11
38. Boleh tidak-nya di-tërima pindaan ²	11
39. Atoran mëngundi bërkenaan dengan pindaan ² ...	11

CHARA MĒNGELUARKAN PĒMBĒRI-TAHU

40. Chara mëngeluarkan pembëri-tahu	12
41. Tidak payah pakai pembëri-tahu	12

ATORAN BĒRBAHATH

42. Atoran bërbahath	12
43. Këna tëgor jika mënyalahi peratoran	14
44. Mahu-lah dudok apabila Pëngëtua Meshuarat atau Pëngërusi bërchakap	15
45. Mënyëbutkan perkara yang akan di-bahath këmudian	15
46. Bahath di-tamatkan	15
47. Mëlanggar peratoran	15

iii.

RANG UNDANG²

Peratoran bilangan		Muka surat
48.	Perkataan mengundang-undangan undang ² ...	16
49.	Mengishtiharkan Rang Undang ² ...	17
50.	Pembëri-tahu fasal hendak membawa Rang Undang ² ...	17
51.	Menghantar salinan Rang Undang ² ...	17

PERJALANAN RANG UNDANG²

52.	Bachaa kali yang përtama ...	17
53.	Tidak di-bënarakan di-bahath dan tidak di- ketëngahkan kapada mëshuarat ...	17
54.	Këpala panjang-nya sahaja yang hendak di-bacha- kan ...	17
55.	Pembëri-tahu fasal bachaa kali yang këdua ...	17
56.	Bachaa kali yang këdua. Asas-nya hendak di- bahathkan ...	17
57.	Rang Undang ² dalam Jawatan-Kuasa ...	18
58.	Perengkat Jawatan-Kuasa ...	18
59.	Pindaan ² ...	18
60.	Pindaan ² hendak-lah dëngan surat ...	18
61.	Pindaan ² , yang mana dahulu dan yang mana këmundian ...	18
62.	Këhendak ² pindaan ...	18
63.	Mëngketëngahkan ...	19
64.	Jadual ² ...	19
65.	Mënanggohkan Rang Undang ² ...	19
66.	Mëmbahathkan hal satu përsatu sahaja ...	19
67.	Pindaan ² dëngan idzin ...	19
68.	Mënamatkan tempoh Jawatan-Kuasa ...	19
69.	Mëmbëri tahu Majlis Mëshuarat ...	19
70.	Mëngedarkan balek ka-dalam Jawatan-Kuasa ...	20
71.	Mëngedarkan kapada Jawatan-Kuasa Terpilih atau lain ² Jawatan-Kuasa ...	20
72.	Atoran-nya apabila sëmu sa-kali Rang Undang ² di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa Terpilih atau Jawatan-Kuasa lain ...	20
73.	Mëngedarkan kapada Jawatan-Kuasa bërkënaan dëngan fasal ² yang di-tëntukan sahaja ...	20
74.	Chadangan bagi bachaa kali yang këtiga ...	21
75.	Pindaan ² pada masa bachaa kali yang këtiga ...	21
76.	Pindaan ² këchil ...	21
77.	Bachaa kali yang këtiga ...	21
78.	Mënarek balek chadangan atau pindaan ...	21
79.	Mënarek balek Rang Undang ² ...	21

iv.

Përatòran bilangan	MENGESAHKAN RANG UNDANG ²	Muka surat
80.	Rang Undang ² hendak-lah di-hantar supaya di- sahkan	21
	MENGELUARKAN DALAM WARTA KERAJAAN	
81.	Mengeluarkan dalam warta Kerajaan	22
	HAK ² DIRI SENDIRI	
82.	Hak ² Diri sendiri	22
83.	Bertanya saksi ²	22
	AHLI ² MESHUARAT TIADA BOLEH HADZIR SA-BAGAI LOYAR	
84.	Ahli ² meshuarat tiada boleh hadir sa-bagai loyar	22
	RANG UNDANG ² SENDIRI	
85.	Ma'ana Undang ² Sendiri	22
86.	Kechuali	22
87.	Rang Undang ² Sendiri mengenai hak ² sendiri ...	23
88.	Membawa rayuan ka-dalam meshuarat	23
89.	Rang Undang ² mahu-lah di-hantar kepada Juru Tulis Meshuarat	23
90.	Rang ² Undang membenarkan membuat kerja ² raya	23
91.	Bachaaan kali yang pertama	23
92.	Bachaaan kali yang kedua	24
93.	Chara membangkang Rang Undang ²	24
94.	Jawatan-Kuasa mahu-lah mengambil keterangan orang ² yang membangkang	24
95.	Perjalanan Jawatan-Kuasa	24
96.	Bachaaan kali yang ketiga	24
97.	Belanja mengechap	24
	JAWATAN-KUASA TERPILEH	
98.	Melantek Jawatan-Kuasa Terpileh	25
99.	Boleh di-lantek pada bila ² masa	25
100.	Pengerusi	25
101.	Chukup bilangan	25
102.	Melantek Jawatan-Kuasa Terpileh jika hendak- kan sama atoran dengan Singapura	25
103.	Permintaan daripada Majlis Perhimpunan Singapura meminta di-adakan Jawatan-Kuasa Bersama	26
104.	Penyata Jawatan-Kuasa	26
105.	Penyata sa-bilangan kecil ahli meshuarat ...	27
106.	Membawa penyata ka-dalam Majlis Meshuarat	27

V.

SHARAT² BERKENAAN DENGAN
PERBELANJAAN

Peratoran bilangan	Muka surat
106A. Rang Undang ² menguntokkan Perbelanjaan: Jawatan-Kuasa Perbelanjaan	27
107. Ahli ² Jawatan-Kuasa Wang	28
108. Mëshuarat ² Jawatan-Kuasa Wang	28
109. Chukup bilangan	29
110. Anggaran Hasil dan Belanja tahun ²	29
111. Belanja ² tambahan bagi Pejabat ² Kerajaan Persékutuan	29
111A. Pësuroh Jaya Tinggi	29
112. Menguntokkan belanja tambahan kapada Nègeri ² Melayu dan Nègëri Selat	30
113. Belanja Tambahan bagi Nègeri Melayu dan Nègeri Selat	30
114. Membawa dan meluluskan penyata ²	30
114A. Mënjalankan kuasa ² Jawatan-Kuasa Wang apa- bila tidak ada Jawatan-Kuasa Wang dengan kerana Majlis Mëshuarat di-bubarkan	30
115. <i>Di-buang mengikut kèputusan Majlis Mëshuarat pada 22 haribulan December, 1949</i>	31
MÈNGUNDI	
116. Mëngundi	31
117. Atoran mëngundi	31
117A. Atoran-nya apabila undi bersurat	31
117B. Ahli ² mëngundi	32
118. Mëngishtiharkan këtëranan	32
118A. Mëngishtiharkan përbahathan atau përkara Majlis Mëshuarat	32
119. Atoran Majlis Parliament	32
120. Uchapan akhir mëshuarat	32
121. Mërëntikan kuat-kuasa Përentah ² Mëshuarat ...	33
122. Përkara yang di-timbangan dalam mëshuarat, Rang Undang ² dan Chadangan, Jawatan-Kuasa Tëtap dan lain ² Jawatan-Kuasa hëndak-lah këkal walau pun Majlis Mëshuarat di-bubarkan	33
123. Ma'ana	33

PƏRATORAN² DAN PƏRENTAH² MAJLIS MƏSHUARAT UNDANGAN, PƏRSƏKUTUAN TANAH MƏLAYU

PƏNDAHULUAN

1. Kəchuali bagi maksud hendak menjalankan Fasal 64 dalam Perjanjian Pərsəkutuan Tanah Məlayu, sa-sa-orang ahli məshuarat sa-kali² tiada boleh mēngambil bahagian atau mēngundi dalam Majlis Məshuarat melainkan sa-təlah mēngangkat sumpah dan mēnurunkan tanda tangan di-hadapan Pəngətua Məshuarat atau Ahli yang mēngətuakan məshuarat atau siapa² jua orang yang di-bəri kuasa oleh Pəsuroh Jaya Tinggi, ia-itu sumpah jadi ahli məshuarat saperti yang di-bəntangkan dalam Jadual Pertama dalam Perjanjian Pərsəkutuan Tanah Məlayu:

Mēngangkat
sumpah.

Tətapi di-sharatkan tiap² orang yang di-bənarkan oleh undang² nəgəri boleh membuat sa-suatu ikrar sa-bagai ganti mēngangkat sumpah dalam pərbicharaan atau pərd'awaan boleh-lah membuat ikrar yang dēmikian itu sa-bagai ganti mēngangkat sumpah.

2. (1) Pəngətua Məshuarat tətəp-lah jadi pəngərusi dalam məshuarat² Majlis Məshuarat Undangan dan jika ia tiada hadir atau jika bəlum di-lantek lagi Pəngətua Məshuarat atau jika jawatan Pəngətua Məshuarat itu kosong dēngan apa² jua sebab, maka siapa² Ahli məshuarat yang di-lantek dēngan surat oleh Pəsuroh Jaya Tinggi dan jika ahli yang di-lantek itu tiada hadir atau jika tidak ada di-lantek ahli yang dēmikian itu, maka ahli kanan yang hadir hendak-lah mēngətuakan məshuarat sa-bagai pəngərusi.

Pəngətua
Məshuarat dan
Pəngərusi
Jawatan-Kuasa
sa-buah² Majlis
Məshuarat.

(2) Pəngətua Məshuarat, jika ia hadir, atau siapa² jua Ahli məshuarat yang di-lantek oleh Pəsuroh Jaya Tinggi atau Ahli Kanan saperti yang di-səbutkan tadi tətəp-lah jadi Pəngərusi apabila Majlis Məshuarat bərsidang dalam Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Məshuarat.

3. Bahasa² rasmi Majlis Məshuarat tətəp-lah bahasa Inggeris dan bahasa Məlayu:

Bahasa² rasmi.

Tətapi di-sharatkan apa² pərkara yang hendak di-chap atau di-jadikan surat atau buku hendak-lah di-buat dalam bahasa Inggeris.

TEMPOH PƏRSIDANGAN DAN MƏSHUARAT²

4. (1) Pərsidangan Majlis Məshuarat Undangan hendak-lah di-adakan pada bila² jua masa dan di-mana² jua tēmpat sa-bagaimana yang di-tətapkan dari suatu masa ka-suatu masa oleh Pəsuroh Jaya Tinggi dēngan di-ishtiharkan dalam Warta Kərajaan.

Tempoh
Pərsidangan
Majlis
Məshuarat
Undangan.

(2) Həndak-lah di-adakan pərsidangan məshuarat sa-kurang-nya² sa-tahun sa-kali ya'ani lama-nya antara məshuarat yang akhir sa-kali dalam satu tempoh pərsidangan dēngan məshuarat yang mula² sa-kali dalam tempoh pərsidangan yang akan datang hendak-lah jangan sampai dua bėl as bulan.

5. (1) Mëshuarat² Majlis Mëshuarat Undangan dalam tiap² tempoh persidangan hendak-lah di-adakan pada apa² jua hari-nya dan hendak-lah di-mulakan pada pukul sakian² sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Pngëtua Mëshuarat.

Mëshuarat²
Majlis
Mëshuarat
Undangan.

(2) Surat mêmberî tahu mëshuarat hendak-lah di-hantar oleh Juru Tulis Mëshuarat kapada Ahli² mëshuarat sa-kurang-nya² empat belas hari bëtul² sa-belum hari mëshuarat, tètapi dalam përkara² yang hendak di-sëgërakan, Pngëtua Mëshuarat boleh-lah mënëtapkan tidak payah di-hantar surat mêmberî tahu mëshuarat itu sa-kadarkan hendak-lah di-bëri tahu dëngan sa-bërapa sëgëra-nya.

(3) Jika di-dapati payah hendak mëngadakan sa-suatu mëshuarat pada hari yang telah di-tetapkan, maka mëshuarat itu boleh-lah di-adakan pada apa² jua hari lain dan pada pukul sakian² sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Pngëtua Mëshuarat. Këputusan Pngëtua Mëshuarat mënëtapkan hari mëshuarat hendak-lah di-bëri tahu kapada tiap² Ahli mëshuarat dëngan surat di-hantar oleh Juru Tulis Mëshuarat, jika dapat-nya, tidak kurang daripada lima hari sa-belum hari yang di-tetapkan kërana mëshuarat itu.

6. Përkara mëshuarat këchuali përkara mënanggohkan mëshuarat, sa-kali² tidak boleh di-jalankan jika siapa² jua Ahli yang hadzir mêmbangkang mëngatakan ia-itu Ahli² yang hadzir itu kurang daripada satu përémpat daripada ahli² mëshuarat sëmua, termasuk Pngëtua Mëshuarat atau Ahli yang mëngëtua-kan mëshuarat.

Chukup
bilangn

7. Sa-suatu mëshuarat Majlis Mëshuarat boleh-lah di-tanggohkan pada bila² masa jua oleh Pngëtua Mëshuarat atau oleh Ahli yang mëngëtuaikan mëshuarat atau oleh sa-bilangan bësar daripada Ahli² yang hadzir dan mëngundi.

Mënanggohkan
mëshuarat.

8. Jika sa-tëlah sëlëσαι përkara yang di-tetapkan bagi satu² hari mëshuarat dan mëshuarat itu di-tanggohkan waktu dalam persidangan Jawatan-Kuasa, maka hendak-lah Majlis Mëshuarat di-adakan sa-mula dalam persidangan Majlis Mëshuarat ya'ani bukan dalam persidangan Jawatan-Kuasa.

Mënanggohkan
mëshuarat
dalam Jawatan-
Kuasa

ORANG² LUAR

9. Juru Tulis Mëshuarat di-bënar mëngëluarkan surat² këbënanan mënengok mëshuarat ia-itu kapada siapa² jua orang yang di-rokmen oleh Ahli mëshuarat dan, jika chukup kërusi, kapada siapa² orang lain jika baik pada timbangan-nya :

Orang² luar.

Tètapi di-sharatkan tidak boleh di-këluarkan surat këbënanan lëbih daripada bilangan kërusi yang di-sëdiakan bagi orang luar.

9A. Bëntara Mëshuarat hendak-lah mënahan siapa² jua orang luar yang masok dëngan tidak ada surat këbënanan yang harus nampak kapada-nya atau yang di-bëri tahu orang kapada-nya mëngatakan ada orang² luar yang ta' ada surat këbënanan dalam mana² bahagian Dewan Mëshuarat atau pëninggil dan juga siapa² jua orang luar yang telah di-bënarkan masok ka-dalam Dewan Mëshuarat atau pëninggil tètapi bërkëlakuan tidak sënonoh, atau orang yang tidak mahu këluar apabila di-përentahkan suroh këluar ia-itu pada masa Majlis Mëshuarat atau Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mëshuarat sëdang bërsidang.

Këwajipan
Bëntara
Mëshuarat
bërkënanan
dëngan orang²
luar.

10. Jika dalam apa² mēshuarat Majlis Mēshuarat Undangan atau mēshuarat Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat Undangan. sa-sa-orang Ahli mēshuarat bangun mēngatakan ada orang luar hadir, maka Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi Mēshuarat—ia-itu siapa² yang mēngētukan mēshuarat—hēndak-lah dēngan sērta-mērtā mēngkētēngahkan so'al mēngatakan “orang² luar di-pērentahkan kēluar” dēngan tidak di-bēnarkan di-bahath atau di-pinda:

Mēngēluarkan orang² luar.

Tētapi di-sharatkan ia-itu Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat, jika baik pada timbangan-nya. boleh-lah mēmērentahkan orang² luar itu kēluar daripada Dewan Mēshuarat dan boleh mēmērentahkan suroh tutup pintu Dewan Mēshuarat.

11. Dēngan tērtā'alok kapada sharat² Pēratoran 10, Pēngētua Mēshuarat boleh-lah mēngēluarkan kēbēnaran ‘am mēmēnarkan siapa² wakil surat² khabar hadir dalam Majlis Mēshuarat; tētapi dēngan sharat jika surat khabar itu mēngēluarkan kesah butir² mēshuarat yang ta' bētul atau ta' patut pada timbangan Pēngētua Mēshuarat, maka kēbēnaran itu boleh di-tarek balek.

Wakil² surat khabar.

PERKARA² MESHUARAT—YANG MANA HENDAK DI-DAHULU DAN YANG MANA HENDAK DI- KEMUDIANKAN

12. (1) Pērkarā² mēshuarat hēndak-lah mēngikut tērtib sapērti di-bawah ini:

Pērkarā² mēshuarat—yang mana hēndak di-dahulu dan yang mana hēndak di-kēmudiakan.

- (i) Do'a;
- (ii) Mēngangkat sumpah;
- (iii) Uchapan Pēngērusi Mēshuarat;
- (iv) Mēmbawa surat² rayuan dan pēmohonan;
- (v) Mēmbēntangkan risalat² tērmāsok pēnyata jawatan-kuasa;
- (vi) Pēmbēri-tahu chadangan; (yang di-bēri dēngan mulut);
- (vii) Pērtanyaan² yang tēlah di-bēri tahu tērlēbeh dahulu dan jawab kapada pērtanyaan² itu;
- (viii) Apa² chadangan. Rang Undang² atau lain² pērkarā jika pada timbangan Pēngētua Mēshuarat patut di-jalankan dahulu;
- (ix) Chadangan² yang tēlah di-bēri tahu tērlēbeh dahulu;
- (x) Rang Undang².

(2) Kēchuali pērkarā pada timbangan Pēngētua Mēshuarat pērkarā hēndak di-sēgērakan, maka tujuh hari sa-belum di-mulakan mēshuarat, Juru Tulis Mēshuarat hēndak-lah mēnghantar kapada tiap² orang Ahli mēshuarat suatu agenda mēshuarat mēngandongi Pērtanyaan², Chadangan², Rang Undang² dan lain² pērkarā yang di-chadang hēndak di-jalankan dalam mēshuarat akan datang.

(3) Mēski pun ada apa² jua sharat lain dalam Pēratoran ini, Majlis Mēshuarat, dēngan kētēetapan mēshuarat, boleh-lah mēnē-tapkan apa² jua pērkarā yang hēndak di-ambil dahulu dēngan tidak mēngikut tērtib susunan yang tēlah di-tētapkan itu. Suatu chadangan hēndak di-dahulukan sa-suatu pērkarā itu boleh-lah di-kēluarkan dēngan tidak payah mēmēberi tahu tērlēbeh dahulu dan hēndak-lah di-sēlēsakan chadangan itu dahulu.

PERINGATAN²

13. (1) Menet² mēshuarat hendak-lah di-simpan bagi semua perkara yang di-mēshuaratkan dalam Majlis Mēshuarat Undangan.

Menet²
mēshuarat.

(2) Satu salinan yang pēnoh daripada menet² Majlis Mēshuarat Undangan bagi tempoh sa-tengah tahun yang lēpas hendak-lah di-hantar ia-itu dua kali sa-tahun kapada Yang Maha Mulia Baginda Queen mēnērusi Mēntēri Tanah Jajahan dan satu salinan pēnoh daripada menet² tiap² mēshuarat Majlis Mēshuarat Undangan hendak-lah di-hantar oleh Juru Tulis Mēshuarat kapada tiap² sa-orang daripada Duli Yang Maha Mulia Raja² Melayu.

14. (1) Juru Tulis Mēshuarat hendak-lah menyimpan menet² mēshuarat Majlis Mēshuarat dan menet² mēshuarat Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat dan hendak-lah, jika boleh, tujuh hari sa-belum mēshuarat, mēnghantar suatu salinan menet² mēshuarat yang lēpas kapada tiap² Ahli mēshuarat.

Isi dan
mēngēsahkan
menet²
mēshuarat.

(2) Menet² mēshuarat hendak-lah mēnyebutkan nama Ahli- yang hadzir, dan semua kēputusan² Majlis Mēshuarat sama ada di-buat dēngan sa-chara mēngikut atoran mēshuarat atau dēngan bagitu sahaja dan hendak-lah di-tanda tangan oleh Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat.

(3) Jika bērbangkit undi bersurat, baik dalam Majlis Mēshuarat atau dalam Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat, maka menet² mēshuarat itu hendak-lah mēnyebutkan bērapa bilangan Ahli yang bērsētugu dan bērapa bilangan yang tidak bērsētugu dan bērapa pula yang tidak mēngundi sērtā di-masokkan nama ahli² yang mēngundi dan yang tidak mēngundi.

15. Juru Tulis Mēshuarat hendak-lah dari sa-hari ka-sa-hari mēnyēdiakan dan mēnyimpan sa-buah Buku Pērentah dēngan di-tuliskan sēmuā pērkarā² yang di-tētapkan bagi mēshuarat akan datang dan apa² Pēmbēri-Tahu Pērtanyaan², Chadangan² atau lain² pērkarā yang tēlah di-chadangkan bagi hari mēshuarat akan datang sama ada hari mēshuarat itu tēlah di-tētapkan atau bēlum di-tētapkan. Buku Pērentah itu hendak-lah di-tuliskan bērapa haribulan dan pukul bērapa di-tērima pēmbēri-tahu tiap² pērkarā itu dan boleh-lah di-tengok oleh Ahli- mēshuarat pada bila² masa jua yang mēnasabah.

Buku Pērentah.

16. Juru Tulis Mēshuarat tērtanggong-lah ka-atas-nya mēnyimpan Menet² mēshuarat, pēringatan², Rang Undang², dan lain² surat yang di-bentangkan dalam Majlis Mēshuarat. Sakalian-nya ini tērbuka boleh di-tengok oleh Ahli² mēshuarat dan oleh orang² lain mēngikut apa² jua atoran sa-bagaimana yang di-bēnarkan oleh Pēngētua Mēshuarat.

Mēnyimpan
Pēringatan².

CHADANGAN² YANG HENDAK DI-BAHATHKAN

17. Dēngan tērtā'alok kapada sharat² Pērjanjian Pērsekutuan Tanah Mēlayu tahun 1948 dan kapada Pēratoran² dan Pērentah² Majlis Mēshuarat Undangan, siapa² jua Ahli mēshuarat boleh mēmbawa apa² Rang Undang² atau mēnchadangkan apa² chadangan untok di-bahathkan dalam Majlis Mēshuarat atau apa² rayuan ka-dalam Majlis Mēshuarat, dan pērkarā yang di-bawa itu hendak-lah di-bahath dan di-putuskan mēngikut Pēratoran² dan Pērentah² Mēshuarat:

Chadangan²
yang hendak
di-bahathkan.

Tētapi di-sharatkan—

- (a) kēchuali sa-telah mēndapat sokongan atau kēbēnaran Pēsuroh Jaya Tinggi yang di-sampaikan kapada Pēngētua Mēshuarat, Majlis Mēshuarat tiada boleh

membahathkan apa² Rang Undang², pindaan, chadangan atau rayuan jika pada timbangan Pengetua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat Rang Undang², pindaan, chadangan atau rayuan itu akan mênghabiskan atau mênjadi tanggungan kapada apa² hasil negeri atau kapada kumpulan wang Kerajaan Pêrsëkutuan atau mêmbatalkan atau mênghubah atau mêmansokhkan apa² hasil atau chukai.

- (b) kechuali dëngan kebënarán Pengetua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat, Majlis Mëshuarat tiada boleh membahathkan apa² chadangan atau rayuan jika pada timbangan Pengetua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat chadangan atau rayuan itu akan mënahan kuat-kuasa Përatoran² dan Përèntah Mëshuarat atau mana² jua daripada-nya.

SURAT² RAYUAN

18. (1) Tiap² surat rayuan yang di-chadang hëndak di-bawa ka-dalam Majlis Mëshuarat mesti-lah di-sudahì dëngan permohonan mënërangkan tujuan² orang yang mênghantar rayuan itu pada 'am-nya.

Atoran apabila biji
ada surat²
rayuan.

(2) Majlis Mëshuarat tetap-lah tidak akan mënërima apa² jua surat rayuan—

- (a) yang tidak di-'alamatkan kapada Majlis Mëshuarat dan tidak di-tulis mênghikut atoran surat² bërdat ia-itu betul susunan chakap-nya dan tertib adab përkataan-nya;
- (b) yang tidak ada sa-kurang² satu tanda tangan pada muka surat mêngandongi përmohonan rayuan itu dan yang tidak ada sa-kurang-kurang-nya përmohonan atau rengkasan përmohonan itu pada tiap² kèpala muka surat yang mêngandongi tanda tangan orang;
- (c) yang mëmohonkan wang hasil nêgëri atau mêmbatalkan hutang kapada kerajaan kechuali jika tëläh mëndapat sokongan daripada Pësuroh Jaya Tinggi;
- (d) yang tidak mënëpati apa² jua përatoran yang harus di-tetapkan dari satu masa ka-satu masa.

(3) Sa-suatu surat rayuan tidak boleh di-bawa ka-dalam Majlis Mëshuarat mëlainkan sa-tëläh di-sahkan oleh Juru Tulis Mëshuarat mêngatakan ia-itu mënëpati përatoran² yang tèrpakai bërkenaan dëngan surat² rayuan.

(4) Ahli mëshuarat yang mënmbawa sa-suatu surat rayuan boleh-lah mënchadangkan ia-itu rayuan itu di-bacha dan pada masa mênghëluarkan chadangan-nya hëndak-lah tërhad kapada pënërang yang rengkas bërkenaan dëngan orang² yang mênghantar rayuan itu, bërapa orang yang mënanda tangan surat rayuan itu, apa tuduhan yang bësar-nya yang tërkadang di-dalam-nya dan tujuan përmohonan surat rayuan itu. Jika chadangan itu di-sokong dan di-luluskan oleh mëshuarat, maka Juru Tulis Mëshuarat hëndak-lah mënbachakan rayuan itu.

(5) Sëmua surat² rayuan hëndak-lah di-përèntah tərbëntang dalam Mëshuarat dëngan tidak di-këtëngahkan kapada mëshuarat kechuali jika Ahli yang mënmbawa rayuan itu mënchadangkan di-bacha atau di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa Tèrpilèh atau Jawatan-Kuasa lain.

(6) Apabila sa-suatu rayuan itu di-edarkan kepada Jawatan-Kuasa Terpilih atau Jawatan-Kuasa lain, semua orang yang ada hak atau yang kepentingan-nya terkena oleh apa² langkah yang di-chadangkan atau oleh undang² yang di-sebutkan dalam rayuan itu maka orang itu boleh-lah memberi keterangan kepada Jawatan-Kuasa itu sama ada dengan sendiri atau, jika patut pada timbangan Jawatan-Kuasa itu, dengan memakai loyar.

RISALAT² YANG DI-BENTANGKAN DALAM MĚSHUARAT

19. (1) Semua risalat² mĚshuarat hendak-lah di-bentangkan oleh sa-sa-orang MĚntĚri dan perkara membentangkan-nya hendak-lah di-masokkan dalam menet MĚshuarat.

Risalat¹ yang di-bentangkan dalam MĚshuarat.

(2) Sa-sa-orang MĚntĚri yang membentangkan risalat boleh-lah mĚnĚrangkan dengan rengkas akan isi² risalat itu. Tidak boleh di-keluarkan apa² fikiran dan tidak boleh di-bahathkan.

(3) Semua risalat² hendak-lah di-pĚrentah terbĚntang dalam MĚshuarat dengan tidak di-kĚtĚngahkan kepada MĚshuarat.

PERTANYAAN²

20. (1) Siapa² Ahli mĚshuarat yang hendak mĚnghantar sa-suatu pertanyaan—

MembĚri tahu fasal hendak mĚnghantar pertanyaan.

(kĚchuali dalam perkara yang hendak di-sĚgerakan dan dengan idzin PĚngĚtua MĚshuarat atau Ahli yang mĚngĚtuakan mĚshuarat)

hendak-lah membĚri tahu tĚrlebeh dahulu dengan mĚnghantar satu salinan pertanyaan bĚrtulis kepada Juru Tulis MĚshuarat sa-kurang-kurang-nya Ěmpat belas hari dahulu daripada hari ia hendak mĚndatangkan pertanyaan itu.

(2) Siapa² ahli mĚshuarat boleh-lah mĚnghantar pertanyaan minta di-jawab dengan mulut dengan membĚri tahu dalam masa yang singkat bĚrkĚnaan dengan apa² perkara dalam agenda mĚshuarat bagi mĚshuarat yang hendak di-keluarkan pertanyaan itu. Suatu salinan pertanyaan itu hendak-lah di-sĚrahkan kepada Juru Tulis MĚshuarat sa-kurang-kurang-nya tiga hari sa-bĚlum mĚshuarat. Hanya PĚngĚtua MĚshuarat sahaja boleh mĚmutuskan ada-kah sa-suatu pertanyaan dĚmikian itu boleh di-tĚrima atau tiada boleh di-tĚrima.

21. (1) Pertanyaan² boleh-lah di-hadapkan kepada MĚntĚri bĚrkĚnaan dengan hal Ěhwal kĚrajaan yang bĚrsangkut-paut dengan MĚntĚri itu, dan bĚrkĚnaan dengan perkara² yang bĚlum di-putuskan oleh Majlis MĚshuarat, atau bĚrkĚnaan dengan apa² jua perkara tadbiran nĚgĚri yang dalam tanggongan MĚntĚri² itu.

Pertanyaan¹, kepada siapa di-hadapkan.

(2) Pertanyaan² boleh juga di-hadapkan kepada Ahli² mĚshuarat bĚrkĚnaan dengan sa-suatu Rang Undang² atau chadangan atau lain² perkara kĚrajaan yang bĚrsangkut-paut dengan pĚkĚrjaan Majlis MĚshuarat yang dalam tanggongan Ahli² itu.

22. (1) Tujuan sa-suatu pertanyaan itu yang sa-bĚnar-nya ia-lah hendak tuhkan hal bĚrkĚnaan dengan perkara yang dalam jagaan ahli yang di-hadapkan pertanyaan itu. Sa-suatu pertanyaan itu tiada boleh di-jadikan elah bagi mĚnĚrbitkan perbahathan.

Maksud pertanyaan dan sharat¹ yang mĚsti di-sempurnakan.

(2) Dengan tidak mĚrosakkan sharat yang tĚrsĚbut baharu lĚpas tadi, pertanyaan² hendak-lah mĚnĚpati sharat² yang tĚrsĚbut di-bawah ini—

(a) Sa-suatu pertanyaan itu tiada boleh mĚnyĚbutkan nama siapa² atau kĚtĚrangan yang sa-bĚnar-bĚnar-nya tidak mustahak bagi mĚnĚrangkan maksud pertanyaan itu;

- (b) Jika sa-suatu pertanyaan itu mengandongi sa-suatu keterangan, ahli yang bertanya itu mesti-lah tertanggung ka-atas-nya fasal betul tidak-nya keterangan itu;
- (c) Sa-suatu pertanyaan itu tiada boleh mengandongi apa² hujah, sangkaan, tohmah, sendinama yang membayangkan keburokan kelakuan orang atau kelimah² menyindir;
- (d) Sa-suatu pertanyaan tiada boleh meminta fikiran atau jalan menyelesaikan sa-suatu perkara undang² yang dalam² atau perkara yang dalam kira² atau agak² sahaja bukan sa-benar;
- (e) Sa-suatu pertanyaan itu tiada boleh berkenaan dengan sifat atau kelakuan sa-sa-orang melainkan berkenaan dengan sifat sa-bagai pegawai yang memegang sa-suatu jawatan;
- (f) Sa-suatu pertanyaan tiada boleh membayangkan keburokan sifat atau kelakuan siapa² orang yang sifat dan kelakuan-nya hanya boleh di-lawan dengan sa-suatu chadangan bersendir;
- (g) Sa-suatu pertanyaan itu tiada boleh mengenai apa² jua perkara yang maseh dalam timbangan mahkamah;
- (h) Sa-suatu pertanyaan yang telah di-beri jawab-nya dengan penoh tiada boleh di-datangkan lagi.

(3) Walau apa pun yang tersebut dahulu daripada ini, siapa² Menteri yang di-hadapkan sa-suatu pertanyaan kapada-nya boleh-lah, dengan kebenaran Pengetua Mëshuarat, enggan tidak menjawab pertanyaan itu ia-lah kerana memelihara kepentingan orang ramai. Maka fasal ia tiada mahu menjawab itu tidak boleh di-bahathkan atau di-tanya apa fasal-nya.

(4) Pengetua Mëshuarat sahaja yang akan memutuskan adakah sa-suatu pertanyaan itu boleh di-terima atau tidak boleh diterima mengikut Peratoran dan Perintah² Mëshuarat dan boleh-lah di-tahan-nya apa² pertanyaan jika pertanyaan itu menyalahi apa² Peratoran dan Perintah² Mëshuarat. Demikian pula Pengetua Mëshuarat boleh melarang apa² pertanyaan jika pada fikiran-nya pertanyaan itu mensia-siakan hak boleh mendatangkan pertanyaan atau yang di-hetongkan boleh menahan atau menggendalukan perjalanan mëshuarat.

(5) Fasal sa-suatu pertanyaan itu tidak di-benarkan dan apa sebab-nya tidak di-benarkan itu hendak-lah di-sampaikan dengan surat oleh Juru Tulis Mëshuarat kapada Ahli yang mendatangkan pertanyaan itu.

23. (1) Sa-suatu pertanyaan tiada boleh di-datangkan dengan tidak memberi tahu terlebih dahulu seperti yang di-sharatkan dalam Peratoran 20 dalam Peratoran dan Perintah² Mëshuarat kecuali jika perkara yang hendak di-tanya itu perkara yang hendak di-segerakan dan ahli yang hendak bertanya itu telah mendapat kebenaran daripada Pengetua Mëshuarat seperti yang di-sharatkan dalam Peratoran 20.

Chara-nya
mendatangkan dan
pertanyaan.

(2) Sa-sa-orang Ahli mëshuarat yang berkehendakkan jawab mulut hendak-lah menuliskan pada pertanyaan-nya itu perkataan "jawab mulut". Jika tidak di-tuliskan demikian itu, Ahli yang menjawab pertanyaan itu akan menghantar jawab bertulis

melalui Juru Tulis Mëshuarat. Jangan lebih daripada enam pertanyaan jawab mulut yang boleh di-hantar oleh sa-sa-orang Ahli itu pada satu hari mëshuarat.

(3) Apabila sampai masa-nya boleh mendatangkan pertanyaan. Pngëtua Mëshuarat atau Ahli yang mngëtukan mëshuarat akan memanggil nama tiap² Ahli yang bërkehendakkan jawab mulut seperti yang di-sebutkan dalam agenda. Ahli yang kena panggil nama-nya hendak-lah berdiri dan mendatangkan pertanyaan itu dengan menyebutkan bilangan pertanyaan itu dalam agenda dan Ahli yang di-hadapkan pertanyaan itu hendak-lah memberi jawab.

(4) Jika Ahli yang berhak mendapat jawab mulut itu tidak bangun mendatangkan pertanyaan-nya, siapa² Ahli lain boleh-lah mengambil pertanyaan itu di-jadikan pertanyaan sendiri dan boleh-lah ia bangun mendatangkan pertanyaan itu dengan chara yang di-sebutkan di-atas tadi.

(5) Siapa² jua Ahli mëshuarat boleh mendatangkan pertanyaan tambahan dengan tujuan meminta këtèrangan bërkenaan dengan apa² perkara yang telah di-bëri jawab-nya dengan jawab mulut tetapi sa-suatu pertanyaan tambahan itu hendak-lah jangan di-gunakan bagi mngëluarkan sa-suatu hal yang tidak termasuk dalam pertanyaan asal.

(6) Pngëtua Mëshuarat atau Ahli yang mngëtukan mëshuarat hendak-lah menahan apa² jua pertanyaan tambahan jika pada timbangan-nya pertanyaan itu menyalahi apa² jua Përatoran dan Perentah² Mëshuarat berkenaan dengan Pertanyaan. Dan lagi boleh di-tahan-nya apa² jua pertanyaan tambahan jika pada timbangan-nya pertanyaan itu mensia-siakan hak boleh mendatangkan pertanyaan atau di-hetongkan menahan atau mnggëndalakan perjalanan Majlis Mëshuarat.

24. (1) Mënjawab sa-suatu pertanyaan itu, sa-sa-orang Ahli Jawapan¹
itu jangan membahathkan perkara yang di-tanya itu.

(2) Jawapan kepada pertanyaan² boleh-lah di-bachakan. Jika di-bachakan maka salinan jawapan yang bertulis hendak-lah dengan sërta-mërta di-bërikan kepada Juru Tulis Mëshuarat.

MENANGGOHKAN MESHUARAT

25. Sa-suatu mëshuarat Majlis Mëshuarat Undangan boleh-lah di-tanggohkan pada bila² masa oleh Pngëtua Mëshuarat atau oleh Ahli yang mngëtukan mëshuarat dengan di-këtengahkan perkara itu kepada mëshuarat dan, khas-nya, jika bërbangkit kachau-bilau yang bësar dalam Majlis Mëshuarat, maka Pngëtua Mëshuarat atau Ahli yang mngëtukan mëshuarat boleh-lah menanggohkan mëshuarat dengan tidak di-këtengahkan perkara itu atau di-rëntikan mëshuarat bagi sëmëntara yang akan di-tëtapkan-nya berapa lama.

Menanggohkan mëshuarat jika bërbangkit kachau-bilau dan sa-bagai-nya.

PERKARA KHAS YANG PENTING KAPADA ORANG RAMAI YANG HENDAK DI-SÈGERAKAN

26. (1) Chadangan menanggohkan mëshuarat dengan kerana ada perkara bësar kepada orang ramai yang hendak di-sègërakan sa-kali² tiada boleh di-jalankan kèchuali jika sa-sa-orang Ahli mëshuarat pada permulaan mëshuarat (ya'ani sa-baik² tëläh sëlëσαι sëmua pertanyaan²) bangun dan bërchakap mngatakan ia meminta idzin hendak mënchadang di-tanggohkan mëshuarat dëngan tujuan membahathkan perkara khas yang pënting kepada

Chadangan menanggohkan mëshuarat kerana mërundingkan perkara khas yang pënting kapada orang ramai yang hendak di-sègërakan.

orang ramai yang hendak di-segerakan. Kemudian hendak-lah di-sebutkan-nya apa perkara-nya itu dan hendak-lah memberikan kepada Pengetua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat suatu keterangan yang bertulis berkenaan dengan perkara yang hendak di-bahathkan itu.

(2) Sa-telah itu Pengetua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat jika pada timbangan-nya chadangan itu termasuk dalam maksud kehendak Peratoran ini, hendak-lah membachakan keterangan yang di-berikan kepada-nya itu dan meminta Ahli² yang menyokong chadangan itu bangun, dan jika tidak kurang daripada sa-puluh orang bangun, maka hendak-lah di-panggil-nya Ahli yang menchadang di-tanggohkan mëshuarat itu mengeluarkan chadangan-nya sama ada dengan serta-merta itu juga atau sa-belum terganggu perkara mëshuarat pada hari itu sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Pengetua Mëshuarat atau oleh Ahli yang mengetuakan mëshuarat mana yang baik pada timbangan-nya.

(3) Sa-suatu perkara yang hendak di-chadangkan mengikut Peratoran ini jika tidak mendapat sokongan sa-banyak yang di-kehendaki itu maka tidak boleh di-bawa lagi ka-dalam mëshuarat mengikut Peratoran ini dalam tempoh enam bulan, dan tidak boleh di-datangkan perbahathan dengan jalan ini di-atas perkara yang telah sudah di-bahathkan oleh Majlis Mëshuarat dalam tempoh enam bulan yang lalu sama ada dengan chadangan lama menanggohkan mëshuarat atau dengan chadangan bersendiri, atau dengan pindaan atau dengan perkara dalam agenda, atau pun di-atas perkara² yang telah di-beri tahu hendak di-bahathkan atau yang telah di-masokkan dalam agenda, sunggoh pun pemberi-tahu atau perkara yang di-masokkan dalam agenda itu telah di-tarek balek dalam mëshuarat itu juga; atau pun di-atas perkara kebebasan atau atas apa² jua yang tidak boleh di-bahathkan kèchuali dengan chadangan bersendiri.

(4) Chadangan kedua menurut Peratoran ini sa-kali² tidak boleh di-datangkan pada hari itu juga.

CHADANGAN²

27. (1) Perkara² yang hendak di-bawa ka-dalam mëshuarat hendak-lah dengan jalan di-keluarkan "chadangan."

Pemberi-tahu chadangan.

(2) Kèchuali jika dengan idzin Pengetua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat atau Pengerusi mëshuarat, sa-suatu chadangan asal sa-lain daripada chadangan² yang di-sebutkan dalam Peratoran 29 sa-kali² tiada boleh di-bawa ka-dalam mëshuarat melainkan jika chadangan itu telah di-beri tahu dengan surat kepada Juru Tulis Mëshuarat sa-kurang²-nya empat belas hari terlebih dahulu :

Tetapi di-sharatkan ia-itu jika Majlis Mëshuarat sedang bersidang, pemberi-tahu itu boleh-lah di-jalankan dengan mulut dalam perkara yang hendak di-segerakan ia-lah dengan idzin Pengetua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat.

28. Perbahathan tidak boleh di-jalankan di-atas perkara memberi tahu fasal apa² chadangan.

Tidak boleh di-bahathkan apabila telah di-beri tahu.

29. Chadangan² yang tersebut di-bawah ini boleh di-bawa ka-dalam mëshuarat dengan tidak payah memberi tahu terlebih dahulu—

Chadangan² dengan tidak payah memberi tahu.

(i) Chadangan meminda chadangan yang sedang di-bahathkan dalam Majlis Mëshuarat;

- (ii) Chadangan mēnanggohkan Majlis Mēshuarat atau mēnanggohkan pēbahathan;
- (iii) Chadangan mēnahan kuat-kuasa Pēratoran² dan Pērintah² Mēshuarat ia-lah di-kēluarkan dēngan kēbēnaran Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētuhkan mēshuarat;
- (iv) Chadangan mēnchadangkan sa-suatu rayuan itu di-bēntangkan dalam mēshuarat atau di-chap atau di-edarkan kapada suatu Jawatan-Kuasa atau di-tolak;
- (v) Chadangan mēngēluarkan orang² luar atau pēmērhati²;
- (vi) Chadangan mēmpēredarkan Majlis Mēshuarat itu jadi Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat;
- (vii) Chadangan yang di-kēluarkan sa-masa Majlis Mēshuarat bērsidang dalam Jawatan-Kuasa;
- (viii) Chadangan yang tēlah di-aku oleh Pēngētua Mēshuarat atau oleh Ahli yang mēngētuhkan mēshuarat akan mustahak-nya hēndak di-sēgerakan dan di-sokong oleh sa-puluh orang Ahli yang bērdiri daripada tēmpat dudok masing²;
- (ix) Chadangan mēnahan sa-sa-orang Ahli mēshuarat;
- (x) Chadangan mēngambil sa-suatu pērkarā dahulu dari-pada pērkarā lain dalam agenda mēshuarat;
- (xi) Chadangan yang di-kēluarkan mēngikut Pēratoran² dan Pērintah² Mēshuarat bērkēnaan dēngan pēratoran mēmbawa Rang Undang².

30. (1) Apabila sa-suatu chadangan yang tēlah di-bēri tahu tērlēbeh dahulu dan tēlah di-kēluarkan dalam agenda, maka hēndak-lah di-chadangkan apabila sampai masa-nya atau pada bila² masa jua sapērti yang di-pērintahkan oleh Majlis Mēshuarat dan jika tidak di-chadangkan, maka tidak boleh di-bahathkan dan hēndak-lah di-sifatkan sa-bagai tēlah di-tarek balek dan hēndak-lah di-masokkan dalam menet mēshuarat mēngatakan tēlah di-tarek balek.

Chadangan² yang tidak di-bawa ka-dalam mēshuarat, sa-tēlah di-bēri tahu tērlēbeh dahulu.

(2) Sa-sa-orang Ahli mēshuarat dēngan mēmbuat surat kapada Juru Tulis Mēshuarat boleh-lah mēnarek balek apa² pēmbēri-tahu chadangan yang tēlah di-bēri-nya tērlēbeh dahulu.

(3) Apabila apa² pēmbēri-tahu chadangan itu tēlah di-tarek balek sapērti yang di-nyatakan itu ia-itu kēmudian daripada tēlah di-masokkan chadangan itu dalam agenda mēshuarat, Juru Tulis Majlis Mēshuarat dēngan sa-bērapa sēgēra-nya hēndak-lah mēmbēri tahu tiap² Ahli mēshuarat mēngatakan pēmbēri-tahu chadangan itu tēlah di-tarek balek dan kēmudian daripada itu chadangan itu tiada boleh di-chadangkan tētapī hēndak-lah di-biarkan dalam agenda mēshuarat dan, apabila sampai masa-nya, Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētuhkan mēshuarat akan mēmashhorkan ia-itu chadangan itu di-sifatkan sa-bagai tēlah di-tarek balek dan hēndak-lah di-masokkan dalam menet mēshuarat mēngatakan tēlah di-tarek balek.

31. Tiap² chadangan, kēchuali chadangan yang di-chadangkan dalam pērsidangan Jawatan-Kuasa, mēsti-lah di-sokong. Jika tidak di-sokong maka tētap-lah tidak boleh di-bahathkan dan hēndak-lah di-sifatkan kalah dan hēndak-lah di-masokkan dalam menet mēshuarat mēngatakan kalah.

Chadangan² yang tidak di-sokong.

32. Apabila sa-suatu chadangan itu telah di-chadangkan dan di-sokong dan perbahathan di-atas-nya telah selesai maka perkara itu hendak-lah di-ketengahkan kepada mēshuarat oleh Pēngtūa Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat.

Undi.

33. Sa-suatu chadangan yang telah di-chadangkan dan di-sokong boleh-lah di-tarek balek dengan idzin Majlis Mēshuarat dan, jika di-tarek balek, boleh-lah di-bawa sa-mula ka-dalam mēshuarat² kemudian dengan mēmbēri tahu tērlēbeh dahulu sa-bagaimana yang di-kēhendaki.

Mēnarek balek chadangan.

34. Apabila sa-suatu chadangan itu telah di-chadangkan, di-bahath dan di-putuskan maka tidak-lah boleh bagi sa-sa-orang Ahli mēshuarat, dengan tiada mēndapat idzin khas daripada Pēngtūa Mēshuarat, mēngēluarkan chadangan lain yang sama isi dan maksud-nya saperti chadangan mula² itu dalam tempoh enam bulan.

Chadangan² yang telah di-putuskan.

MĒMINDA CHADANGAN

35. Jika sa-sa-orang Ahli mēshuarat hendak mēngubah maksud dan tujuan sa-suatu chadangan yang tērdiri dengan nama-nya boleh-lah di-ubah-nya dengan mēmbērikan kepada Juru Tulis Mēshuarat suatu pēmbēri-tahu yang telah di-pinda, dengan sharat pindaan itu pada timbangan Pēngtūa Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat tidak mēngubah apa² asas yang tērkan-dong dalam chadangan asal itu atau tujuan-nya. Pēmbēri-tahu chadangan tētap-lah bērjalan daripada masa pēmbēri-tahu mula².

Mēminda chadangan.

36. (1) Sa-suatu pindaan itu mēsti-lah ada kēna-mēngēna dengan perkara yang di-chadangkan itu.

Pēratoran² mēminda chadangan.

(2) Sa-suatu pindaan mēsti-lah jangan mēngēluarkan apa² jua perkara yang hanya boleh di-kēluarkan dengan chadangan yang bērsēndiri sa-tēlah di-bēri tahu tērlēbeh dahulu.

(3) Sa-suatu pindaan kapada sa-suatu perkara mēsti-lah jangan bērlawan dengan kēputusan yang telah lalu dalam perkara itu juga yang telah di-putuskan dalam masa pērangkat apa² jua Rang Undang² atau perkara.

(4) Sa-suatu pindaan mēsti-lah jangan sa-rupa maksud-nya dengan pindaan yang di-chadangkan oleh Ahli lain.

(5) Sa-suatu pindaan mēsti jangan bērlawan dengan chadangan asal atau dengan apa² jua pindaan kapada chadangan asal itu.

(6) Pindaan boleh di-chadangkan bagi mēminda sa-suatu pindaan lain.

37. Sēmua pindaan² yang telah di-chadangkan dan di-sokong dalam Majlis Mēshuarat atau di-chadangkan dalam pērsidangan Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat, jika di-kēhendaki oleh Pēngtūa Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi, hendak-lah di-buat dengan surat oleh pēnchadang dan di-bērikan kepada Juru Tulis Mēshuarat.

Pindaan mahu-lah dengan surat.

38. Pēngtūa Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat tētap-lah jadi sa-olah² saperti hakim mēmutuskan ada-kah sa-suatu pindaan itu boleh di-tērima atau tiada boleh di-tērima.

Boleh tidak-nya di-tērima sa-suatu pindaan.

39. Pindaan² kapada chadangan hendak-lah di-ketengahkan kapada mēshuarat sa-belum di-ketengahkan chadangan asal. Jika ada pindaan kapada pindaan yang telah di-chadangkan, pindaan yang akhir sa-kali di-sēbutkan itu hendak-lah di-sēlesaikan dahulu sa-olah² pindaan itu saperti chadangan asal sa-hingga sēmua pindaan² itu telah di-sēlesaikan.

Atoran mēngundi bērkēnaan dengan pindaan.

CHARA MƏMBƏRI TAHU

40. (1) Mana² perkara mēngikut apa² jua Pəratoran dan Pərentah² Məshuarat yang di-kəhəndaki pəmbəri-tahu, maka pəmbəri-tahu itu hēndak-lah dēngan surat (kəchuali jika Pəratoran dan Pərentah² Məshuarat mənsharatkan tidak payah bərsurat) dan hēndak-lah di-bərikan kapada Juru Tulis Məshuarat pada masa məshuarat atau di-hantar ka-pəjabat Juru Tulis Məshuarat, ia-itu sa-kurang² empat bėlas hari bətul² sa-bėlum məshuarat.

Chara mēngikut pəmbəri-tahu.

(2) Juru Tulis Məshuarat hēndak-lah mənuliskan haribulan dan pukul bėrapa di-tėrima pəmbəri-tahu itu.

(3) Kəchuali jika Pəngətua Məshuarat mēmutusan ia-itu pəmbəri-tahu itu mənyalahi pəratoran, pəmbəri-tahu itu hēndak-lah bərchap, bėrtaiip *gestetner* atau bėrtaiip biasa dan di-hantar kapada Ahli² məshuarat sa-kurang² tujuh hari sa-bėlum məshuarat.

(4) Dēngan tərta'alok kapada sharat² yang tərдахulu daripada ini, tiap² pəmbəri-tahu hēndak-lah bərchap atau bėrtaiip dēngan sa-chara kėadaan yang di-bėri kapada Juru Tulis Məshuarat.

(5) Jika pada fikiran Pəngətua Məshuarat apa² pəmbəri-tahu itu mēngandongi lafadz yang tidak sėdap bunyi-nya atau tidak tərang maksud-nya boleh-lah di-suroh-nya pulangkan kapada Ahli yang mēnghantar pəmbəri-tahu itu dēngan apa² jua pėrubahan atau tokok tambah-nya sapėrti yang di-pėrentahkan oleh Pəngətua Məshuarat. Jika Ahli itu hēndak mēnghantar balek pəmbəri-tahu itu sapėrti yang tėlah di-ubah atau di-tokok tambah itu hēndak-lah di-hantarkan-nya balek kapada Juru Tulis Məshuarat.

41. Pəmbəri-tahu itu tiada boleh di-tinggalkan baik kėsėmua sa-kali atau sa-bahagian daripada-nya bėrkėnaan dēngan sa-suatu pėrkara atau chadangan atau bėrkėnaan dēngan apa² hal lain yang bėrkəhəndakkan pəmbəri-tahu, mėlainkan dēngan kėbėnaran tərang² daripada Pəngətua Məshuarat atau Ahli yang mēngėtuaikan məshuarat atau Pəngėrusi məshuarat dēngan alasan mēngatakan ada-lah mēninggalkan pəmbəri-tahu itu atau sa-bahagian daripada-nya ia-lah bagi fa'edah orang ramai.

Tidak payah pakai pəmbəri-tahu.

PƏRATORAN² BƏRBAHATH

42. Bərchapak bėrkėnaan dēngan apa² chadangan yang di-bahathkan dalam Majlis Məshuarat atau dalam pėrsidangan Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Məshuarat, hēndak-lah di-ikut pəratoran² yang tərsebut di-bawah ini:

Atoran' bərbahath.

(i) Tiap² Ahli məshuarat kəchuali Pəngətua Məshuarat atau Ahli yang mēngėtuaikan məshuarat atau Pəngėrusi, hēndak-lah bėrdiri bila bərchapak dan hēndak-lah bərchapak kapada Pəngətua Məshuarat atau Ahli yang mēngėtuaikan məshuarat atau Pəngėrusi Məshuarat.

Bėrdiri masa bərchapak.

(ii) Dia mahu-lah jangan di-ganggu mėlainkan kalau mənyalahi pəratoran məshuarat.

Jangan di-ganggu.

(iii) Apabila tėlah habis ucapan-nya hēndak-lah ia dudok dan siapa² Ahli lain yang hēndak mēmbəri ucapan kapada Majlis Məshuarat atau kapada Jawatan-Kuasa boleh-lah bangun.

Mahu-lah dudok apabila habis bərchapak.

(iv) Jika lėbih daripada sa-orang ahli məshuarat bėrdiri sėrėmpak, Pəngətua Məshuarat atau Ahli yang mēngėtuaikan məshuarat atau Pəngėrusi məshuarat akan mēmanggil ahli yang mula² sa-kali tėrpandang kapada-nya.

Siapa kėna pilch bərchapak.

- (v) Sa-sa-orang Ahli tiada boleh membachakan ucapan-nya tetapi boleh di-bachakan-nya potongan daripada surat² yang bertulis atau berchap bagi menguatkan hujah-nya dan boleh-lah menengok peringatan atau rengkasan yang ada pada-nya.
- (vi) Tiap² Ahli mēshuarat hendak-lah mengchadkan perchakapan-nya kapada perkara yang di-bahathkan dan jika lebih daripada satu perkara yang telah di-chadangkan ia-itu sa-bagai pindaan, perbahathan itu mesti-lah kena-mengena dengan perkara yang akhir sa-kali yang di-chadangkan sa-hingga selesai di-putuskan. Perkara yang bersangkut-paut.
- (vii) Hendak-lah jangan di-sēbutkan apa² jua perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah.
- (viii) Tetap-lah melanggar peratoran jika hendak di-hidupkan sa-mula perkara yang telah di-putuskan oleh Majlis Mēshuarat dalam tempoh enam bulan yang lalu.
- (ix) Sa-sa-orang Ahli mēshuarat sa-kali² tidak boleh berchakap lebih daripada sa-kali berkenaan dengan apa² chadangan yang di-bahathkan oleh Majlis Mēshuarat kēchuali kerana memberi keterangan atau menunjukkan kesalahan orang atau pada menjalankan hak boleh menjawab perbahathan atau apabila Majlis Mēshuarat bersidang dalam Jawatan-Kuasa. Pengetua Mēshuarat atau Ahli yang mengetuakan mēshuarat boleh-lah berchakap kapada Majlis Mēshuarat pada bila² masa. Ta' boleh berchakap lebih daripada sa-kali.
- (x) Ahli yang membawa sa-suatu chadangan asal, dan penchadang kapada sa-suatu pindaan ia-itu jika di-idzinkan oleh Pengetua Mēshuarat atau oleh Ahli yang mengetuakan mēshuarat, boleh-lah berchakap sa-kali lagi sa-bagai menjawab hujah² orang ia-itu apabila semua Ahli² lain yang hadir itu telah mendapat peluang berchakap dan sa-belum perkara itu di-ketengahkan kapada mēshuarat. Perchakapan-nya itu mesti-lah berkenaan dengan perchakapan² yang telah di-keluarkan dalam perbahathan itu sahaja dan hendak-lah jangan mengandongi apa² hujah baharu menyokong chadangan itu. Apabila telah habis jawapan itu Ahli² lain tiada boleh berchakap lagi. Hak boleh menjawab.
- (xi) Dengan idzin Pengetua Mēshuarat atau Ahli yang mengetuakan mēshuarat, siapa² Ahli mēshuarat pada bila² masa jua sa-lama di-jalankan perbahathan itu boleh-lah menchadang di-ketengahkan perkara itu kapada mēshuarat. Perbahathan di-atas chadangan-nya itu tidak di-benarkan dan jika chadangan-nya itu di-persetujukan oleh mēshuarat maka perbahathan itu, dengan tērt'alok kapada hak boleh menjawab seperti yang di-sharatkan dalam peratoran kecil bilangan (x) dalam Peratoran ini, hendak-lah di-tutup dan perkara itu di-ketengahkan kapada mēshuarat. Chadangan menutup bahath.
- (xii) Sa-sa-orang Ahli mēshuarat yang sa-kadar menyokong sa-suatu chadangan dengan tidak berchakap panjang lagi tiada-lah hilang hak-nya boleh berchakap sa-kali lagi kapada Majlis Mēshuarat dalam masa di-jalankan perbahathan di-atas chadangan itu. Ahli menyokong chadangan.

(xiii) Sa-sa-orang ahli mēshuarat tiada boleh—

Menyebut
nama.

(a) mēndatangkan sangkaan² ta' baik kapada Ahli² lain;

(b) mēnudoh ka-atas diri siapa² Ahli lain;

(c) mēnggunakan pērkataan² yang mēnyakitkan hati;

(d) leka dēngan mēnyebut nama si-polan².

(xiv) Sa-sa-orang Ahli mēshuarat sa-kali² tiada boleh bērchakap atas apa² jua pērkara yang ia ada kēpēntingan bagi diri-nya sapērti ada masok modal atau samupama-nya, dēngan tidak mēnērangkan sa-banyak mana hak-nya dalam pērkara itu.

(xv) Nama Yang Maha Mulia Baginda Queen atau nama siapa² jua di-antara Duli² Yang Maha Mulia Raja² Nēgēri Mēlayu tētap-lah tidak boleh di-sēbutkan bagi mēnarek Majlis Mēshuarat kapada mana² pehak.

(xvi) Kēlakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen atau siapa² jua di-antara Duli² Yang Maha Mulia Raja² Nēgēri Mēlayu atau Pēsuroh Jaya Agong atau Pēsuroh Jaya Tinggi atau Pēmangu Pēsuroh Jaya Tinggi atau ahli² Majlis Mēshuarat atau Hakim² atau lain² pēgawai yang mēntadbirkan kē'adilan sa-kali² tidak boleh di-kēmukakan mēlainkan dēngan chadangan yang bērsēndiri; dan dalam apa² pindaan, atau pērtanyaan kapada ahli mēshuarat atau pērchakapan dalam pērbahathan di-atas chadangan bērkēnaan dēngan apa² jua pērkara lain maka mēnyēbutkan hal kēlakuan atau sifat siapa² jua orang yang tērsēbut di-atas tadi tētap-lah mēlanggar pēratoran mēshuarat.

43. (1) Siapa² Ahli mēshuarat yang keluar daripada pēratoran² mēshuarat boleh-lah dēngan sērtā-mērtā di-tēgor dan di-tahan oleh Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat. Telah itu Ahli itu hēndak-lah dudok dēngan sērtā-mērtā.

Kēna tēgor. E.

(2) Jika bērbangkit pērkara mēnyalahi pēratoran mēshuarat, siapa² Ahli mēshuarat boleh-lah bangun bērchakap dēngan sērtā-mērtā dēngan di-mulakan chakap-nya mēngatakan ia bangun itu kērana mēnēgor pērkara mēnyalahi pēratoran mēshuarat. Ahli yang tēngah bērchakap tadi hēndak-lah dudok dēngan sērtā-mērtā. Dēmikian juga Ahli yang mēnērangkan kēsalahan pēratoran mēshuarat hēndak-lah dudok apabila telah habis sēruan-nya kapada Pēngērusi.

Atoran jika
bērbangkit
pērkara
mēnyalahi
pēratoran.

(3) Ahli lain tidak boleh bērchakap bērkēnaan dēngan pērkara mēnyalahi pēratoran mēshuarat kēchuali dēngan mēndapat idzin daripada Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat. Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat, sa-tēlah habis di-chakapkan pērkara mēnyalahi pēratoran mēshuarat, hēndak-lah mēmbēri kēputusan-nya. Kēmudian daripada itu Ahli yang kēna tēgor tadi bērhak-lah mēlanjutan ucapan-nya dēngan mēngikut kēputusan Pēngērusi mēshuarat.

Uchapan
tēngangu
hēndak-lah di
langsongkan.

(4) Apa² perkara yang berbangkit mengatakan ada-kah sa-sa-orang Ahli mēshuarat itu betul pada peratoran atau salah pada peratoran, tetap-lah Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētua-kan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat mēmutusan-nya. Kēpu-tusan ini tetap-lah kēputusan mo'tamad dalam sēgala pērkarā peratoran dan tērtib.

Kēputusan
Pēngētua
Mēshuarat
tētap
mo'tamad.

44. Apabila Pēngētua Mēshuarat bērchakap atau Ahli yang mēngētua-kan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat, siapa² Ahli yang tēngah bērchakap hēndak-lah dudok dēngan sērtā-mērtā.

Mahu-Jah
dudok apabila
Pēngētua
Mēshuarat
atau Pēngērusi
bērchakap.

45. (1) Maka tetap-lah mēnyalahi pēratoran mēshuarat jika di-ambil pērkarā yang bēlum di-binchang atau di-bahathkan ia-itu dēngan jalan mēnchadangkan sa-suatū chadangan atau pindaan bērkēnaan dēngan sa-suatū Rang Undang² atau lain² pērkarā mēshuarat yang tēlah di-pertētap hēndak di-timbangkan kēmudian: dēmikian juga sa-suatū pindaan itu tetap-lah mēnyalahi pēratoran mēshuarat jika pindaan itu bērkēnaan dēngan sa-suatū chadangan yang tēlah di-bēri tahu tērlēbeh dahulu.

Jangan di-
sēbutkan
pērkarā yang
bēlum di-
bahathkan.

(2) Agenda mēshuarat, Pēmbēri-tahu Chadangan atau Pindaan yang tēlah di-bēri tahu tērlēbeh dahulu hēndak-lah jangan di-ambil dahulu dalam pērbahathan bērkēnaan dēngan chadangan mēnang-
gohkan Majlis Mēshuarat.

46. (1) Sa-sa-orang Ahli mēshuarat sa-kali² tidak boleh bērchakap bērkēnaan dēngan apa² jua pērkarā apabila pērkarā itu tēlah di-kētēngahkan kapada mēshuarat oleh Pēngētua Mēshuarat atau oleh Ahli yang mēngētua-kan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat.

Pērbahathan
di-tamatkan.

(2) Sa-suatū pērkarā itu sudah sēmpurna di-kētēngahkan ia-itu apabila Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētua-kan mēshua-
rat atau Pēngērusi mēshuarat tēlah mēngumpulkan undi ahli² yang bērsētūju dan yang tidak bērsētūju.

47. (1) Jika sa-sa-orang Ahli mēshuarat tiada mēngendahkan kuasa Pēngērusi atau mēnsia-siakan pēratoran² Majlis Mēshuarat dēngan bērdēgil-dēgil dan dēngan sēngaja mēngēndalakan pērja-
lanan Majlis Mēshuarat atau lain-nya, Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētua-kan mēshuarat hēndak-lah mēnarek pērhatian Majlis Mēshuarat kapada pērkarā itu dēngan mēnyēbutkan nama Ahli yang engkar itu. Tēlah itu suatu chadangan boleh-lah di-chadangkan. Kēmudian Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētua-kan mēshuarat hēndak-lah dēngan sērtā-mērtā mēngkē-
tēngahkan pērkarā itu kapada mēshuarat dēngan tidak di-benarkan di-pinda atau di-tanggohkan mēshuarat atau di-bahath, ia-itu mēngatakan "Ahli itu di-tahan daripada Majlis Mēshuarat." Jika kēsalahan itu di-lakukan dalam pērsidangan Jawatan-Kuasa sa-
buah-buah Majlis Mēshuarat, Pēngērusi mēshuarat hēndak-lah dēngan sērtā-mērtā mērēntikan mēshuarat Jawatan-Kuasa itu dan mēmbēri tahu hal itu kapada Majlis Mēshuarat; dan Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētua-kan mēshuarat, sa-tēlah di-kēluarkan chadangan, hēndak-lah mēngkētēngahkan pērkarā itu kapada mēshuarat dēngan tidak boleh di-pinda atau di-tanggohkan mēshuarat atau di-bahath, sa-olah-olah kēsalahan itu di-lakukan dalam pērsidangan Majlis Mēshuarat itu sēndiri.

Melanggar
Pēratoran.

(2) Tiada lēbeh daripada sa-orang Ahli yang hēndak di-sēbutkan nama-nya pada satu masa, kēchuali jika bēbērapa orang Ahli yang hadir itu bērsama-sama tidak mēngendahkan kuasa Pēngērusi atau mēnsia-siakan pēratoran² Majlis Mēshuarat.

(3) Jika sa-sa-orang Ahli mēshuarat itu di-tahan menurut sharat² Pēratoran ini, maka ia tētap-lah tērtahan sa-hingga pērkaranya itu di-putuskan oleh Majlis Mēshuarat.

(4) Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat sa-tēlah menarek pērhatian Majlis Mēshuarat atau Jawatan-Kuasa mēshuarat bērkēnaan dēngan kēlakuan sa-sa-orang Ahli mēshuarat yang bērdēgil mēnyēbutnyēbutkan pērkaranya yang tiada kēna-mēngēna dēngan pērkaranya yang di-bahathkan atau bērulang-ulang tiada pēnat² mēnyēbutkan hujah-hujah-nya sendiri atau hujah² yang tēlah di-keluarkan oleh Ahli² lain dalam pērbahathan itu, boleh-lah mēmērentahkan Ahli itu bērhēnti bērchakap.

(5) Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat boleh-lah mēmērentahkan Ahli² mēshuarat jika kēlakuan ahli² itu bērlēbeh-lēbehan mēlampau-nya suroh kēluar dēngan sērtamērtā daripada Dewan Mēshuarat sa-lama mēshuarat di-jalankan pada hari itu; dan Bēntara Mēshuarat hēndak-lah mējalankan pērentah² itu sa-bagaimana yang di-tērima-nya daripada Pēngētua Mēshuarat atau daripada Ahli yang mēngētukan mēshuarat.

(6) Jika pērentah suroh kēluar mēnurut pērēnggan (5) dalam Pēratoran ini tidak di-ikut dēngan sērtamērtā atau, jika pada bila² masa, Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat mēmikirkan kuasa-nya mēnurut pērēnggan (5) itu tiada chukup, maka boleh-lah di-sēbutkan-nya nama Ahli atau Ahli² dēmikian itu mēnurut pērēnggan (1) dalam Pēratoran ini.

(7) Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētukan mēshuarat atau Pēngērusi mēshuarat sama ada mējalankan pērentah mēnurut pērēnggan (1) atau pērēnggan (5) dalam Pēratoran ini, boleh-lah mēmērentahkan di-ambil apa² jua langkah yang mēnasabah sa-bagaimana yang di-kēhēndaki bagi mējalankan pērentah ini.

(8) Ahli² mēshuarat yang kēna tahan mēnurut pērēnggan (1) dalam Pēratoran ini atau yang di-pērentahkan suroh kēluar mēnurut pērēnggan (5) hēndak-lah dēngan sērtamērtā kēluar daripada Dewan Mēshuarat dan daripada bangunan Dewan Mēshuarat.

(9) Tidak ada apa² pun dalam pēratoran ini yang boleh di-sifatkan mēnahan Majlis Mēshuarat daripada mējalankan langkah ka-atas siapa² jua Ahli mēshuarat kērana kēsalahan mēlanggar pēratoran mēshuarat yang tiada di-sēbutkan di-sini atau daripada mējalankan langkah dēngan apa² jua jalan yang mēnasabah pada timbangan Majlis Mēshuarat bērkēnaan dēngan mējalankan apa² langkah ka-atas Ahli² yang mēlanggar pēratoran mēshuarat sapērti yang di-sēbutkan di-sini.

RANG UNDANG²

48. Sēmua Undang² yang di-luluskan oleh Majlis Mēshuarat hēndak-lah di-gēlar “Undang²” dan pērkatāan mēngundang-undangkan itu hēndak-lah dēmikian bunyi-nya, “Di-pērbuat undang² ini oleh Pēsuroh Jaya Tinggi, Pērsekutuan Tanah Mēlayu dan Yang Maha Mulia Raja² Nēgēri Mēlayu dēngan nasihat dan pērsētujan Majlis Mēshuarat Undang²”:

Dēngan sharat jika apa² undang² yang bērjalan kuat kuasa-nya dēngan kērana pēmashhoran yang di-keluarkan oleh Pēsuroh Jaya Tinggi mēnurut Fasal 52 dalam Pērjanjian Pērsekutuan Tanah

Perkatāan
mēngundang².
kan Undang².

Melayu, maka perkataan mengundang-undangan itu hendak-lah demikian bunyi-nya, "Di-perbuat undang³ ini oleh Pesuruh Jaya Tinggi, Persekutuan Tanah Melayu menurut Fasal 52 dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948."

49. Tiap² Rang Undang² sa-lain daripada Rang Undang² Sën-diri hendak-lah di-ishtiharkan dalam Warta Kerajaan bagi pengetahuan orang ramai sa-kurang-kurang-nya dua puloh lapan hari sa-belum di-bawa ka-dalam Majlis Mëshuarat Undangan, kèchuali jika sangat mustahak di-sëgerakan sa-bagaimana yang di-aku oleh Pësuroh Jaya Tinggi dëngan surat.

Mengishtihar-
kan Rang
Undang³.

50. (1) Kèchuali Rang Undang² yang di-keluarkan oleh Këra-jaan, hendak-lah di-bëri tahu tërlëbeh dahulu sa-kurang-kurang sa-bulan akan chadangan siapa² Ahli mëshuarat yang hendak membawa apa² Rang Undang² ka-dalam mëshuarat dan isi Rang Undang² itu dëngan këtëran yang ringkas bërkenaan dëngan tujuan-tujuan-nya hendak-lah di-hantar kapada Juru Tulis Mëshuarat sa-kurang-kurang sa-bulan sa-belum di-keluarkan Rang Undang² itu dalam Majlis Mëshuarat.

Pembëri-tahu
fasal hendak
membawa
Rang Undang³.

(2) Dëngan tërtat'alog kapada përenggan (1) dalam Përatoran ini, chadangan hendak membawa sa-suatu Rang Undang² dalam Majlis Mëshuarat boleh-lah di-bëri tahu dalam mëshuarat biasa atau dëngan surat di-hantar kapada Juru Tulis Mëshuarat.

51. Kèchuali dalam hal² yang di-sahkan oleh Pëngëtua Mëshuarat hendak di-sëgerakan, salinan² bërchap bagi sëmua Rang Undang² hendak-lah di-hantar oleh Juru Tulis Mëshuarat kapada tiap² Ahli mëshuarat sa-kurang² tujuh hari sa-belum Rang Undang² itu di-bachakan kali yang përtama dalam Majlis Mëshuarat dan jika bërkenaan dëngan bëlänja daripada hasil nëgëri, bërapa anggaran bëlänja-nya itu jika dapat-nya hendak-lah di-sampaikan kapada Ahli² mëshuarat.

Mënhantar
salinan Rang
Undang³.

PËRENGKAT² RANG UNDANG²

52. Ahli yang mënguruskan Rang Undang² itu hendak-lah mënchadangkan dëngan sa-chara mëngikut përatoran mëngatakan Rang Undang² itu di-bachakan kali yang përtama.

Bachaan kali
përtama.

53. Sa-tëlah di-chadang supaya Rang Undang² itu di-bachakan kali yang përtama, përbahathan sa-kali² tidak di-bënarakan dan jika chadangan itu di-sokong, maka Rang Undang² itu hendak-lah di-bachakan kali yang përtama dëngan tidak di-këtëngahkan kapada mëshuarat.

Tidak di-
bënarakan bër-
bahath dan
tidak di-
këtëngahkan
kapada
mëshuarat.

54. Pada bachaan kali yang përtama itu, Juru Tulis Mëshuarat hendak-lah mëmbachakan këpala Rang Undang² itu sahaja.

Këpala-nya
sahaja di-
bachakan.

55. Ahli yang mënguruskan Rang Undang² itu hendak-lah mëmbëri tahu mëshuarat akan chadangan-nya hendak mënchadangkan bachaan kali yang këdua dalam mëshuarat akan datang atau mëshuarat yang këmudian:

Pembëri-tahu
bachaan kali
yang këdua.

Tëtapi di-sharatkan pembëri-tahu itu boleh di-keluarkan bër-kenaan dëngan chadangan hendak mënchadangkan bachaan kali yang këdua ia-itu Rang Undang² Përbëlänjaan Nëgëri pada hari itu juga atau hari këmudian.

56. (1) Sa-tëlah di-keluarkan chadangan mëngatakan "ia-itu Rang Undang² ini sëkarang di-bachakan kali yang këdua," përbahathan hendak-lah di-hadkan kapada asas² dan burok baik-nya Rang Undang² itu.

Bachaan kali
yang këdua.
Asas-nya
sahaja hendak
di-bahathkan.

(2) Pindaan² yang di-benarkan hanya-lah pindaan menanggohkan bacaan kali yang kedua kepada apa² haribulan yang akan datang atau mengedarkan Rang Undang² itu kepada Jawatan-Kuasa Terpilih atau kepada lain² Jawatan-Kuasa. Jika chadangan itu di-persetujui oleh mesnuarat, Juru Tulis Mesnuarat hendak-lah membachakan kepala Rang Undang² itu lepas itu hendak-lah di-tetapkan apa hari-nya hendak di-bahathkan Rang Undang² itu dalam persidangan Jawatan-Kuasa ia-itu sama ada hari itu juga atau hari lain.

(3) Ahli yang menchadangkan bacaan kali yang kedua tetap-lah berhak boleh berchakap sa-kali lagi menjawab hujah² orang.

57. Apabila telah sampai masa-nya menimbangkan sa-suatu Rang Undang² itu dalam Jawatan-Kuasa, Majlis Mesnuarat hendak-lah beredar jadi Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mesnuarat bagi menimbangkan Rang Undang² itu.

Rang Undang²
dalam
Jawatan-Kuasa.

58. Apabila sa-suatu Rang Undang² itu di-timbangkan dalam Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mesnuarat, Juru Tulis Mesnuarat boleh-lah mencriakkan fasal² dalam Rang Undang² itu mengikut tertib susunan-nya dengan menyebutkan bilangan tiap² fasal itu.

Pengerkat
Jawatan-Kuasa.

59. (1) Pindaan² boleh-lah di-chadangkan kepada fasal² itu atau di-tinggalkan fasal² itu atau di-masokkan fasal baharu dengan syarat fasal yang hendak di-masokkan itu kena-mengena dengan maksud Rang Undang² itu dan menepati kehendak² Peratoran dan P'rentah² Mesnuarat.

Pindaan².

(2) Pemberi-tahu berkenaan dengan fasal baharu hendak-lah di-sampaikan kepada Juru Tulis Mesnuarat sa-kurang²-nya dua hari sa-belum mesnuarat, kechuali jika Pengetua Mesnuarat atau Ahli yang mengetuakan mesnuarat memikirkan tidak payah di-beri tahu terlebih dahulu.

60. Apabila sa-sa-orang Ahli mesnuarat telah memberi tahu terlebih dahulu atau mengatakan hendak menchadangkan sa-suatu pindaan, maka Pengetua Mesnuarat atau Ahli yang mengetuakan mesnuarat boleh-lah memanggil Ahli itu suroh sebutkan perkataan² yang di-chadangkan-nya hendak di-tinggalkan dan perkataan² yang menggantikan-nya atau yang hendak di-masokkan, dan tiap² chadangan meminda, jika tidak di-beri tahu terlebih dahulu, dan jika di-kehendaki oleh Pengetua Mesnuarat atau Ahli yang mengetuakan mesnuarat, hendak-lah dengan surat dalam bahasa Inggeris dan di-berikan kepada Juru Tulis Mesnuarat oleh Ahli yang menchadangkan-nya itu.

Pindaan²
hendak-lah
dengan surat.

61. Jika lebih daripada satu pindaan kepada sa-suatu fasal, Pengetua Mesnuarat atau Ahli yang mengetuakan mesnuarat hendak-lah mengketengahkan pindaan² itu mengikut yang mana dahulu di-dahulukan dan yang mana kemudian di-kemudiakan.

Pindaan², yang
mana dahulu
dan yang mana
kemudian.

62. (1) Sa-suatu pindaan itu hendak-lah menepati seperti syarat² yang tersebut di-bawah ini—

Kehendak²
pindaan.

(a) sa-suatu pindaan itu mesti-lah kena-mengena dengan tujuan Rang Undang² dan dengan tujuan fasal yang hendak di-pinda itu;

(b) sa-suatu pindaan itu hendak-lah jangan berlawanan dengan apa² jua keputusan yang telah di-putuskan oleh Majlis Mesnuarat;

- (c) sa-suatu pindaan itu hendak-lah jangan menjadikan fasal yang hendak di-pinda itu tiada faham orang membacha-nya atau salah nahu-nya;
- (d) jika sa-suatu pindaan itu menyebutkan sa-suatu pindaan lain yang berikut, atau menyebutkan sa-suatu jadual atau tidak terang dengan tidak ada pindaan lain atau tidak ada jadual itu, maka pemberi-tahu pindaan itu hendak-lah di-sampaikan sa-belum atau pada masa pindaan mula² itu di-chadangkan supaya susunan pindaan² itu boleh faham orang akan maksud-nya;
- (e) sa-suatu pindaan yang menchadang di-tinggalkan semua sa-kali maksud sa-suatu fasal itu dengan tujuan memasukkan syarat² baharu yang berlainan, maka yang demikian itu tiada mengikut peratoran. Jalan yang betul-nya ia-lah di-buang fasal itu dan di-chadangkan fasal baharu bagi menggantikan-nya.
- (2) Pengèrusi messhuarat boleh enggan tidak mahu menchadangkan sa-suatu pindaan jika pada timbangan-nya pindaan itu sia².
63. Jika tidak ada pindaan kapada sa-suatu fasal, maka Pengèrusi messhuarat hendak-lah mengkètengahkan kapada messhuarat dengan di-sebutkan ia-itu "fasal ini jadi sa-bahagian daripada Rang Undang² ini." Jika ada pindaan, Pengèrusi messhuarat hendak-lah menyebutkan "fasal ini saperti yang telah di-pinda itu jadi sa-bahagian daripada Rang Undang² ini." Mengkètengahkan.
64. Menimbangan jadual atau jadual², jika ada, hendak-lah këmudian daripada menimbangan fasal², kèchuali jika ada pèrentah lain oleh Pengèrusi messhuarat. Jadual² itu hendak-lah di-kètengahkan oleh Juru Tulis Messhuarat dan boleh-lah di-pinda atau di-tambah jadual² baharu sama saperti yang di-buat kapada fasal². Jadual².
65. Jika sa-suatu Rang Undang² itu tidak habis di-timbangkan dalam Jawatan-Kuasa, maka boleh-lah di-tanggohkan kapada messhuarat akan datang atau messhuarat këmudian ia-lah dengan di-keluarkan chadangan menanggohkan itu. Menanggohkan Rang Undang².
66. Asas langkah² yang di-chadangkan dalam Rang Undang² itu tetap-lah tiada boleh di-bahathkan dalam persidangan Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Messhuarat tetapi hanya perkara satu persatu sahaja yang boleh di-bahathkan. Membahathkan hal satu persatu sahaja.
67. Sa-suatu Rang Undang² sa-telah di-timbangkan dalam Jawatan-Kuasa tetapi sa-belum persidangan itu berbalek sa-mula dalam Majlis Messhuarat, siapa² Ahli messhuarat dengan idzin Jawatan-Kuasa itu boleh-lah menchadangkan sa-suatu pindaan kapada apa² jua fasal yang telah di-luluskan oleh messhuarat. Pindaan² dengan idzin.
68. Apabila sa-suatu Rang Undang² itu telah tamat di-timbangkan dalam Jawatan-Kuasa, Majlis Messhuarat hendak-lah beredar balek saperti sedia-kala dengan tidak di-kètengahkan perkara itu kapada messhuarat. Menamatkan tempoh Jawatan-Kuasa.
69. Apabila sa-suatu Rang Undang² itu telah selesai diputuskan dalam Jawatan-Kuasa, maka penchadang Rang Undang² itu hendak-lah memberi tahu Pèngètua Messhuarat atau Ahli Memberi tahu Majlis Messhuarat.

yang mēngētuakan mēshuarat mēngatakan Rang Undang² itu tēlah di-timbangan dalam Jawatan-Kuasa dan tēlah di-pinda atau di-persētujukan dēngan tidak di-pinda ia-itu jika di-pinda di-sēbutkan di-pinda kalau tidak di-pinda di-sēbutkan tidak di-pinda.

70. Sa-suatu Rang Undang², sa-tēlah di-bēri tahu kapada Majlis Mēshuarat, boleh di-edarkan balek ka-dalam Jawatan-Kuasa jika hēndak di-pinda lagi.

Di-edarkan
balek ka-dalam
Jawatan
Kuasa.

71. Sa-suatu Rang Undang² boleh-lah di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa Tērpilih atau kapada Jawatan-Kuasa lain pada bila² masa dēngan tērmasuk waktu di-timbangan dalam Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat, dan mēngedarkan-nya itu kapada Jawatan-Kuasa Tērpilih atau kapada Jawatan-Kuasa lain boleh-lah di-jalankan bērkēnaan dēngan Rang Undang² itu sēmula sa-kali atau bērkēnaan dēngan fasal² yang tērtēntu sahaja dalam Rang Undang² itu.

Mēngedarkan
kapada
Jawatan-Kuasa
Tērpilih atau
lain² Jawatan-
Kuasa.

72. Jika sēmula sa-kali Rang Undang² itu di-edarkan, hēndak-lah di-ikut atoran sapērti yang tērsēbut di-bawah ini:

Atoran-nya
apabila sēmula
sa-kali Rang
Undang² itu
di-edarkan
kapada
Jawatan-Kuasa
Tērpilih atau
Jawatan-Kuasa
lain.

- (i) Pēnyata Jawatan-Kuasa Tērpilih atau pēnyata Jawatan-Kuasa lain hēndak-lah di-bēntangkan dalam mēshuarat dan satu salinan pēnyata itu hēndak-lah di-bahagi-bahagikan kapada tiap² ahli mēshuarat sa-kurang²-nya tujuh hari sa-bēlum hari mēshuarat (kēchuali dalam hal² yang hēndak di-sēgerakan). Hēndak-lah di-bēri tahu sa-kurang² sa-hari tērlēbeh dahulu akan hajat hēndak mēchadangkan di-tērima pēnyata itu.
- (ii) Jika Rang Undang² itu di-pinda oleh Jawatan-Kuasa Tērpilih atau Jawatan-Kuasa lain, pindaan² yang di-chadangkan itu hēndak-lah di-bēntangkan dalam pēnyata Jawatan-Kuasa itu.
- (iii) Apabila di-chadangkan di-tērima pēnyata itu, pēnyata itu hēndak-lah di-bahathkan dalam Majlis Mēshuarat tētapi jika dēngan pērentah Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētuakan mēshuarat atau dēngan pērmintaan sa-puluh orang Ahli yang hadzir, maka Rang Undang² itu hēndak-lah di-edarkan kapada Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat.
- (iv) Jika pēnyata Jawatan-Kuasa Tērpilih atau pēnyata jawatan-kuasa lain tēlah di-bahagi-bahagikan kapada ahli² mēshuarat kurang daripada tujuh hari daripada hari mēshuarat, sa-suatu chadangan sa-kali² tiada boleh di-chadangkan mēmenta mēshuarat mēnerima pēnyata itu kēchuali dēngan kēbēnaran Pēngētua Mēshuarat atau Ahli yang mēngētuakan mēshuarat.

73. Jika mēngedarkan kapada Jawatan-Kuasa itu bērkēnaan dēngan fasal² yang di-tēntukan, maka pēnyata Jawatan-Kuasa Tērpilih atau pēnyata Jawatan-Kuasa lain itu hēndak-lah di-bahathkan dalam Majlis Mēshuarat dēngan chadangan yang di-bēri tahu tiada kurang daripada sa-hari tērlēbeh dahulu ia-itu chadangan mēmenta mēshuarat mēnerima pēnyata itu. Kēmudian Rang Undang² itu, baik pada masa itu juga atau pada masa lain yang di-tētapkan, hēndak-lah di-edarkan atau di-pulangkan kapada Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mēshuarat.

Mēngedarkan
kapada
Jawatan-Kuasa
bērkēnaan
dēngan fasal²
yang di-tēntu-
kan sahaja.

74. Apabila sa-suatu Rang Undang² itu di-beri tahu kepada Majlis Mëshuarat daripada Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mëshuarat dengan di-pinda atau dengan tidak di-pinda, atau di-beri tahu kepada Majlis Mëshuarat oleh Jawatan-Kuasa Terpilih atau Jawatan-Kuasa lain dan pënyata itu telah di-tërima oleh Majlis Mëshuarat sa-bagaimana yang di-sharatkan dalam Peratoran 72, maka perkara itu boleh-lah di-ketëngahkan kepada mëshuarat ia-lah dengan di-chadang dan di-sokong, sama ada pada masa itu juga atau pada masa yang kemudian, ia-itu mengatakan Rang Undang² itu hendak-lah di-bachakan kali yang këtiga dan di-luluskan.

Chadangan bagi bacaan kali yang këtiga.

75. Jika pada bacaan kali yang këtiga bagi sa-suatu Rang Undang² itu, siapa² Ahli mëshuarat yang hendak mëminda atau mëmotong apa² jua syarat yang terkandung dalam Rang Undang² itu atau hendak memasukkan syarat baharu boleh-lah di-chadangkan-nya supaya Rang Undang² itu di-edarkan balek ka-dalam Jawatan-Kuasa dan jika chadangan-nya itu di-persëtujukan oleh mëshuarat, apa² perubahan yang di-chadangkan oleh Ahli itu boleh-lah di-bahatkan dalam Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mëshuarat. Sa-telah itu Majlis Mëshuarat boleh-lah beredar balek saperti sedia-kala dan Rang Undang² itu di-bachakan kali yang këtiga dan di-luluskan.

Pindaan pada masa bacaan kali yang këtiga.

76. Pindaan² yang pada timbangan Pëngëtua Mëshuarat atau pada timbangan Ahli yang mëngetuakan mëshuarat ia-itu pindaan këchil sahaja atau yang tersilap perkataan-nya atau mesti di-buat kerana mengikut perchakapan yang telah lalu, boleh-lah di-buat sa-belum Rang Undang² itu di-bachakan kali yang këtiga dengan tidak payah di-edarkan balek ka-dalam Jawatan-Kuasa.

Pindaan² këchil.

77. (1) Jika chadangan membachakan Rang Undang² itu bagi kali yang këtiga di-luluskan oleh mëshuarat, maka Juru Tulis Mëshuarat hendak-lah membachakan kepala Rang Undang² itu yang ringkas dan pendahuluan-nya, jika ada, dan fasal yang mêngundang-undangkan Undang² itu.

Bacaan kali yang këtiga.

(2) Jika chadangan membachakan kali yang këtiga itu tidak di-luluskan oleh mëshuarat maka Rang Undang² itu hendak-lah di-sifatkan tertolak.

78. Apabila sa-suatu chadangan atau pindaan telah di-chadangkan, chadangan atau pindaan itu boleh-lah di-tarek balek dengan permintaan Ahli yang mënchadangkan-nya jika, apabila Pëngëtua Mëshuarat atau Ahli yang mëngetuakan mëshuarat bertanya ada-kah Majlis Mëshuarat atau Jawatan-Kuasa bërsetuju di-tarek balek chadangan atau pindaan itu, tidak ada tërdëngar sa-suatu suara yang mëmbangkang-nya.

Mëtarek balek chadangan² atau pindaan

79. Sa-telah di-bachakan agenda mëshuarat bagi apa² jua përengkat Rang Undang², sa-suatu përentah, dengan chadangan Ahli yang mën bawa Rang Undang² itu, boleh-lah di-keluarkan bagi mëlupakan agenda itu dan Rang Undang² itu boleh-lah di-tarek balek.

Mëtarek balek Rang Undang².

MËNGËSAHKAN RANG UNDANG²

80. Sa-suatu Rang Undang² apabila telah di-luluskan oleh mëshuarat hendak-lah di-hantar oleh Juru Tulis Mëshuarat kepada Setia-Usaha Majlis Raja² supaya di-sahkan oleh Duli² Yang Maha Mulia Raja² Negeri Mëlayu ia-itu di-lafadzkan mengikut chara yang di-sharatkan oleh fasal 76 dalam Perjanjian Përsëkutuan Tanah Mëlayu tahun 1948. Lëpas itu Rang Undang² itu hendak-lah di-hantar oleh Juru Tulis Mëshuarat kepada Yang Tërutama

Rang Undang² hendak-lah di-hantar supaya di-sahkan.

Pesuroh Jaya Tinggi supaya di-sahkan-nya dengan nama Yang Maha Mulia Baginda Queen dan bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda Queen menurut syarat² fasal 54 dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

81. Dengan sa-bberapa segera-nya sa-telah di-sahkan oleh Yang Maha Mulia Raja² dan oleh Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi bagi pihak Yang Maha Mulia Baginda Queen, tiap² Undang² hendak-lah di-keluarkan dalam Warta Kerajaan. Pada bila² masa jua sa-belum di-keluarkan dalam Warta Kerajaan, Paguam Agong Kerajaan boleh-lah membetulkan kesalahan, nahu atau silap chap dalam Undang² itu atau sebutan kapada bahagian² lain atau tanda² berhenti atau peringatan² sa-belah tepi dan bagi apa² jua maksud demikian itu boleh-lah menambah, memotong atau mengubah-nya.

Mengisytiharkan Rang Undang².

HAK² DIRI SENDIRI

82. (1) Jika sa-suatu Rang Undang² yang belum selesai itu mengenai hak diri sendiri, dan orang yang berhak itu meminta dengan surat rayuan hendak memberi keterangan, baik dengan sendiri atau dengan loyar dan meminta di-tanya saksi² berkenaan dengan isi Rang Undang² itu, sa-suatu chadangan boleh-lah di-keluarkan oleh sa-sa-orang Ahli Mesuarat membenarkan penghantar² rayuan itu memberi keterangan di-hadapan Majlis Mesuarat atau di-hadapan Jawatan-Kuasa Terpilih atau Jawatan-Kuasa lain dengan syarat surat rayuan itu di-terima oleh Juru Tulis Mesuarat sa-belum Rang Undang² itu di-luluskan bачааn-nya kali yang ketiga.

Hak² diri sendiri.

(2) Hal² lain atau chara² lain, siapa² orang luar sa-kali² tidak boleh memberi keterangan dengan sendiri atau dengan loyar.

83. Apabila hendak di-ambil keterangan daripada siapa² saksi, Ahli atau orang² yang menghantar rayuan itu yang berkehendakan saksi² demikian itu hendak-lah memberi kapada Juru Tulis Mesuarat suatu daftar mengandongi nama dan 'alamat saksi² itu sa-belum hari yang di-tetapkan bagi mengambil keterangan itu, dan keterangan tiap² sa-orang saksi itu hendak-lah di-tuliskan dan di-tanda tangan oleh saksi itu.

AHLI² MESHUARAT TIADA BOLEH HADZIR SA-BAGAI LOYAR

84. Ahli Majlis Mesuarat sa-kali² tiada di-benarkan hadzir di-hadapan mesuarat sa-bagai loyar dalam sa-barang apa perkara yang hendak di-tibangkan oleh Majlis Mesuarat.

RANG UNDANG² SENDIRI

85. Rang Undang² Sendiri itu ia-lah Rang Undang² bagi kepentingan atau fa'edah diri sa-sa-orang atau sharikat atau mengenai hak diri sendiri atau harta sa-sa-orang atau harta sharikat tetapi tidak termasuk apa² jua Rang Undang² yang di-bawa ka-dalam Majlis Mesuarat dengan perintah Pesuroh Jaya Tinggi.

Ma'ana Rang Undang² Sendiri.

86. Sa-suatu Undang² Persekutuan Tanah Melayu, yang bukan langkah Kerajaan Persekutuan, dan yang di-maksud mengenai atau memberi fa'edah kapada orang² yang tertentu atau kapada persekutuan atau badan tertuboh, tiada-lah mengenai hak² Yang Maha Mulia Baginda Queen atau warith ganti-nya, atau hak² Duli² Yang Maha Mulia Raja² Melayu dan warith ganti-nya atau hak² mana² jua badan tertuboh atau hak siapa² jua orang lain, kecuali jika di-sharatkan dalam Undang² itu.

Kecuali.

87. Apabila sa-suatu Rang Undang² Sendiri telah di-chadangkan ia-itu yang harus mengenai hak² sendiri atau mengenai harta sa-sa-orang atau sharikat, pemberi-tahu hendak-lah di-sampaikan kepada semua pihak yang berkenaan dengan keadaan 'am dan tujuan² Rang Undang² itu ia-itu dengan di-keluarkan dalam Warta Kerajaan sa-bulan dahulu daripada di-bawa rayuan memohonkan Rang Undang² itu; pengeluaran dalam Warta Kerajaan itu hendak-lah di-keluarkan dua kali sa-kurang²-nya sa-belum di-bawa rayuan itu ka-dalam meshuarat.

Rang Undang¹
sendiri yang
mengenai hak¹
sendiri.

88. (1) Sa-suatu Rang Undang² Sendiri itu sa-kali² tiada boleh di-bawa ka-dalam meshuarat kecuali jika ada Rayuan daripada penyokong² rayuan itu dengan di-sebutkan keadaan dan tujuan² Rang Undang² itu dan mengatakan terang² apa² alasan-nya yang di-fikirkan patut oleh penyokong² itu.

Membawa
Rayuan ka-
dalam
meshuarat.

(2) Rayuan itu hendak-lah di-bawa ka-dalam meshuarat dengan di-serahkan kepada Juru Tulis Meshuarat dan hendak-lah di-bachakan dalam meshuarat biasa yang pertama Majlis Meshuarat sa-telah di-serahkan kepada Juru Tulis Meshuarat. Sa-telah itu Pengetua Meshuarat atau Ahli yang mengetuakan meshuarat sa-belum memanggil nama Ahli² yang telah memberi tahu fasal chadangan itu hendak-lah mengketengahkan perkara itu kepada Majlis Meshuarat mengatakan penyokong² rayuan itu di-benarkan menjalankan chadangan-nya.

89. Jika di-beri idzin boleh menjalankan chadangan-nya itu, satu salinan Rang Undang² itu mahu-lah di-serahkan pada Juru Tulis Meshuarat dalam tempoh enam bulan sa-telah di-idzinkan itu dan sa-telah di-serahkan Rang Undang² itu, penyokong² rayuan itu hendak-lah mengeluarkan suatu surat akuan yang di-tanda tangan oleh Setia Usaha Wang mengatakan ia-itu wang sa-banyak sa-ribu ringgit atau kurang daripada sa-ribu ringgit sa-bagaimana yang di-perkatakan dengan surat oleh Setia Usaha Wang ia-lah bagi perbelanjaan mengeluarkan i'lan dan rayuan itu, telah disimpan dalam Pejabat Wang dan suatu surat perjanjian di-tanda tangan oleh dua orang yang memadai, meletakkan tanggungan ka-atas-nya membayar apabila di-minta membayar, kepada Juru Tulis Meshuarat apa² jua belanja yang lebih daripada wang petarohan itu.

Rang Undang¹
mahu-lah di-
serahkan pada
Juru Tulis
Meshuarat

90. Bagi Rang Undang² Sendiri membenarkan membuat kerja raya, sa-belum penyokong²-nya di-benarkan bergerak ka-hadapan, mereka itu hendak-lah menyerahkan pada Juru Tulis Meshuarat suatu anggaran belanja kerja itu di-tanda tangan oleh orang yang membuat anggaran itu dan hendak-lah di-simpan wang petaroh dalam Pejabat Wang tidak kurang daripada empat peratus daripada anggaran belanja itu dan dalam tiap² Rang Undang² itu hendak-lah di-masokkan suatu syarat mengatakan jika pekerjaan itu tidak siap dalam tempoh yang di-tetapkan dalam Rang Undang² itu maka wang petaroh itu tetap-lah hilang.

Rang Undang¹
membenarkan
membuat kerja
raya.

91. Juru Tulis Meshuarat hendak-lah berikhtiar menengokkan Rang Undang² itu di-chap dan di-hantar kepada Ahli² meshuarat serta di-keluarkan dalam Warta Kerajaan, dan dalam persidangan Majlis Meshuarat yang mula² sa-kali yang di-adakan tidak kurang daripada empat belas hari kemudian daripada di-keluarkan Rang Undang² itu dalam Warta Kerajaan, Pengetua Meshuarat atau Ahli yang mengetuakan meshuarat, jika telah puas hati mengatakan i'lan yang di-kehendaki oleh Peratoran 87 telah di-ishtiharkan, hendak-lah mengketengahkan Rang Undang² itu kepada

Bachan kali
yang pertama

mëshuarat supaya di-bachakan kali yang pertama. Tidak di-benarkan di-bahath. Sa-telah Rang Undang² itu di-bachakan kali yang pertama, penyokong² rayuan itu boleh-lah mengadakan apa² pindaan sa-bagaimana yang patut pada timbangan-nya; tetapi Juru Tulis Mëshuarat, jika pada timbangan-nya pindaan² itu terkeluar daripada maksud Rayuan itu, hendak-lah memberi tahu kepada Majlis Mëshuarat.

92. Jika Rang Undang² itu di-perentahkan di-bacha kali yang pertama, Pngtua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat, dalam mëshuarat yang akan datang, hendak-lah mengketengahkan supaya Rang Undang² itu di-bachakan kali yang kedua kèchuali jika ada perentah lain daripada Majlis Mëshuarat. Jika di-putuskan oleh mëshuarat hendak di-jalankan demikian. Rang Undang² itu hendak-lah di-hetongkan teredar kepada suatu Jawatan-Kuasa, sama ada Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mëshuarat atau Jawatan-Kuasa Terpilih atau Jawatan-Kuasa lain ia-itu sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Majlis Mëshuarat:

Bachan kali yang kedua.

Tetapi di-sharatkan sa-sa-orang Ahli mëshuarat sa-kali² tiada di-benarkan jadi Ahli Jawatan-Kuasa itu melainkan sa-telah ia menanda tangan suatu surat akuan mengatakan ia tidak akan mengundi dalam sa-barang so'al yang harus akan terbit dan berkenaan dengan perkara² yang harus di-beri keterangan, ia-itu dengan tidak mendengar keterangan itu.

93. Siapa² jua, sa-lain daripada Ahli Majlis Mëshuarat, sa-kali² tiada boleh memberi keterangan membangkang apa² Rang Undang² Sendiri kèchuali jika ia terlebih dahulu telah menghantar suatu surat Rayuan pada Juru Tulis Mëshuarat menerangkan apa² dia bangkangan-nya kepada Rang Undang² itu dan ada-kah bangkangan²-nya itu meliputi kesemua sa-kali pendahuluan atau sa-bahagian daripada-nya sahaja atau kepada fasal² Rang Undang² yang tersebut dan memohon di-benarkan ia memberi keterangan dengan sendiri atau dengan loyar menentang Rang Undang² itu.

Chara membangkang Rang Undang².

94. Dengan terta'alok kepada Perentah² ini, semua rayuan² membangkang Rang Undang² ini, yang mengandongi permohonan memohonkan supaya orang² yang menghantar rayuan itu di-benarkan memberi keterangan dengan sendiri atau dengan loyar, hendak-lah di-hetongkan teredar kepada Jawatan-Kuasa itu dan Jawatan-Kuasa itu hendak-lah mendengar keterangan orang² yang membangkang itu yang nampak-nya terkenal kepada orang ramai.

Jawatan-Kuasa akan mengambil keterangan daripada pembangkang².

95. Jawatan-Kuasa itu hendak-lah menimbangkan Rang Undang² itu dan membuat apa² pindaan sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut dan hendak-lah memberi penyata kepada Majlis Mëshuarat mengatakan telah di-timbangkan-nya Rang Undang² itu dan di-buat pindaan kepada Rang Undang² itu (jika betul telah di-buat pindaan) dan hendak-lah menghantar apa² jua chadangan kepada Majlis Mëshuarat sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

Perjalanan Jawatan-Kuasa.

96. Sa-baik² penyata Jawatan-Kuasa itu telah di-bawa ka-dalam Majlis Mëshuarat dan di-persetujuan oleh mëshuarat, Pngtua Mëshuarat atau Ahli yang mengetuakan mëshuarat hendak-lah mengketengahkan perkara itu kepada mëshuarat mengatakan Rang Undang² itu di-bachakan kali yang ketiga.

Bachan kali yang ketiga.

97. Dengan sa-bberapa segera-nya yang boleh di-jalankan kemudian daripada Rang Undang² Sendiri itu telah di-luluskan atau di-tolak atau di-tinggalkan, Juru Tulis Mëshuarat hendak-lah menyediakan suatu kira² menerangkan berapa belanja mengèchap

Belanja² mengèchap.

dan mengeluarkan i'lan ia-lah mengikut sukatan belanja yang di-tetapkan oleh Pésuroh Jaya Tinggi dan hendak-lah mēnanda tangan dan menghantarkan kira² itu kepada Setia Usaha Wang. Setia Usaha Wang, jika belanja itu kurang daripada sa-ribu ringgit, hendak-lah memindahkan apa² jua kira² wang daripada sa-ribu ringgit dalam petarohan itu kepada kira² hasil negeri Persekutuan dan baki-nya hendak-lah di-bayarkan kepada orang² yang menyimpan wang itu atau kepada pemegang² kuasa-nya atau wakil²-nya. Jika kira² belanja mengechap dan mengeluarkan i'lan itu lebih daripada sa-ribu ringgit, Setia Usaha Wang hendak-lah memindahkan semua sa-kali wang petarohan itu ka-dalam kira² hasil negeri Persekutuan dan Juru Tulis Mëshuarat hendak-lah menjalankan langkah² yang di-kehendaki bagi menimbulkan baki perbelanjaan itu yang belum berbayar.

JAWATAN-KUASA²

JAWATAN-KUASA TERPILEH

98. Sa-suatu Jawatan-Kuasa Terpileh hendak-lah di-lantek dengan di-keluarkan chadangan dalam Majlis Mëshuarat dan hendak-lah mengandongi siapa² jua ahli mëshuarat sa-bagaimana yang di-pilih oleh Majlis Mëshuarat atau oleh Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mëshuarat.

Melantek
Jawatan-
Kuasa.

99. Sa-suatu Jawatan-Kuasa Terpileh boleh-lah di-lantek oleh Majlis Mëshuarat pada bila² masa jua dalam waktu di-jalankan Majlis Mëshuarat atau waktu dalam persidangan Jawatan-Kuasa sa-buah² Majlis Mëshuarat.

Boleh di-lantek
pada bila²
masa dalam
mëshuarat.

100. Pada masa di-lantek Jawatan-Kuasa Terpileh, boleh-lah di-tetapkan siapa yang akan jadi Pengerusi-nya, atau Jawatan-Kuasa itu boleh-lah melantek Pengerusi sendiri. Pengerua Mëshuarat dari satu masa ka-satu masa, sa-kira-nya sa-sa-orang Ahli Jawatan-Kuasa itu mati atau tiada dapat datang mëshuarat dengan tidak dapat di-elakkan, boleh-lah melantek Ahli lain menggantikan ahli yang mati atau yang tiada dapat datang itu jadi Ahli Jawatan-Kuasa Terpileh.

Pengerusi.

101. Koram bagi apa² jua Jawatan-Kuasa Majlis Mëshuarat, baik Jawatan-Kuasa Terpileh atau lain-nya, tetap-lah tiga orang ahli kechuali jika chadangan melantek Jawatan-Kuasa itu telah menetapkan berapa orang jadi koram.

Chukup
bilangan.

102. Jika mustahak di-lantek suatu Jawatan-Kuasa Terpileh kerana menimbangkan dan memberi penyata di-atas apa² jua perkara yang hendak di-samakan undang²-nya di-antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, maka boleh-lah di-ikut atoran seperti yang tersebut di-bawah ini:

Melantek
Jawatan-Kuasa
Terpileh jika
di-kehendaki
sa-jalan dengan
Singapura.

- (a) Majlis Mëshuarat boleh-lah memutuskan ia-itu mustahak supaya Jawatan-Kuasa Terpileh itu di-beri kuasa menimbangkan bersama² dengan Jawatan-Kuasa yang di-lantek oleh Majlis Perhimpunan Singapura dan boleh-lah melantek berapa² orang ahli yang di-kehendaki, sama ada dengan serta-merta itu juga atau kemudian daripada itu, dan memberi kuasa kepada ahli² itu berbuat seperti yang tersebut itu;

Meminta
Singapura
melantek suatu
Jawatan-Kuasa
kerana
menimbangkan
bersama²
dengan
Jawatan-Kuasa
Majlis
Mëshuarat.

- (b) Telah itu Juru Tulis Mëshuarat hendak-lah menghantarkan salinan chadangan itu yang telah di-sahkan betul-nya, kepada Juru Tulis Mëshuarat Majlis Perhimpunan Singapura;

- (c) Sa-telah menerima keputusan daripada Majlis Perhimpunan Singapura memashhorkan lantekan Jawatan-Kuasa Majlis Perhimpunan Singapura kerana meshuarat bersama² dengan Jawatan-Kuasa Terpilih Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan, maka Juru Tulis Meshuarat sa-telah bertanya fikiran Juru Tulis Majlis Perhimpunan Singapura hendak-lah menetapkan haribulan dan pukul berapa hendak di-adakan meshuarat yang pertama. Kemudian Jawatan-Kuasa² itu hendak-lah mengadakan meshuarat dan memilih atau melantek pengurus kerana mengetuakan meshuarat bersama².

